



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

*SENATE*

PARLIMEN KEENAM

*Sixth Parliament*

PENGGAL KEDUA

*Second Session*

KANDUNGANNYA

## MENGANGKAT SUMPAAH:

Tuan Hassan bin Nam  
Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Muhideen  
Tuan Tay Chee King [Ruangan 14]

## PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 14]  
Mengangkat Sumpah di Luar Dewan – Tuan Lim Kean Siew [Ruangan 31]  
Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 31]  
Ucapan Takziah atas Kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Datuk Seri Haji  
Hussein bin Mohd. Nordin [Ruangan 31]  
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 32]  
Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 32]

## URUSAN MESYURAT [Ruangan 34]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 35]

## USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 81]  
Jawatankuasa Pemilih – Lantikan Ahli-ahli [Ruangan 83]

## **KANDUNGANNYA – (samb.)**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 83]**

MALAYSIA  
**PARLIMEN KEENAM – DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- ” LT. KOL. (P) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAH BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MUHIDEEN (Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik)
- ” DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM @ HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Trengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)
- ” TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- ” DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- ” PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)
- ” TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)

- Yang Berhormat **TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.**  
(Sarawak)
- ” **DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)**
- ” **TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)**
- ” **TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)**
- ” **TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)**
- ” **CIK LIM SEAN LEAN (@ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)**
- ” **DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)**
- ” **TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)**
- ” **TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)**
- ” **DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)**
- ” **TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)**
- ” **TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)**
- ” **TUAN NASIR BIN MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)**
- ” **PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)**
- ” **TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)**
- ” **TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)**
- ” **DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M.,  
A.M.N., J.P. (Dilantik)**
- ” **PUAN ROKIAH (@ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)**
- ” **TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu)**
- ” **TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)**
- ” **TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)**
- ” **TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)**
- ” **TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)**
- ” **TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)**
- ” **TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)**
- ” **DATO WONG SENG CHOW, D.K.J.B., A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan)**
- ” **TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.G.D.K., A.M.N. (Sabah)**

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

**Isnin, 9hb April, 1984**


---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Hassan bin Nam

Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Muhideen

Tuan Tay Chee King

**PEMASYURAN TUAN YANG DI-PERTUA TITAH UCAPAN  
D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN  
AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 12hb Mac, 1984 yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan di Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan di Raja itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

**TITAH UCAPAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Bismillahir-rahmanir-rahim**

**Segala puji bagi Allah Subhanahu wa ta'ala, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Salla'llahu 'alaihi wa-sallam dan keluarga serta sahabat-sahabat-nya.**

**Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat.**

*Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala yang telah melimpahkan rahmat-Nya bagi Beta melafazkan Titah Ucapan sempena Upacara Perasmian Penggal Kedua Parlimen Keenam pada hari ini.*

*Sejak Titah Ucapan Beta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada bulan Oktober 1982, negara terus berada dalam keadaan aman dan tenteram. Kestabilan negara kita menjadi kebanggaan kita dan sanjungan negara-negara lain. Walaupun kemelesetan*

*ekonomi dunia telah menjejaskan prestasi pembangunan negara dan kehidupan rakyat, tetapi dengan izin Allah Subhanahu wa ta'ala serta dengan kebijaksanaan Kerajaan Beta dan Ketahanan rakyat menghadapi cabaran, kesan-kesan yang lebih buruk telah dapat dielakkan.*

*Kerajaan Beta telah menetapkan matlamat bagi menjadikan negara kita aman, berketuhanan, bernaung di bawah bendera dan maju. Tidak ada jalan yang mudah ke arah pencapaian matlamat ini dan dari semasa ke semasa kita perlu menentukan arah-arah baru. Kerajaan Beta di bawah pimpinan Perdana Menteri Beta yang dikasihi, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad sentiasa berusaha memperkenalkan dasar-dasar yang inovatif. Untuk menjayakannya, kita perlu mengamalkan sikap yang positif dalam segala usaha kita.*

*Penerapan nilai-nilai yang mulia seperti kejujuran, kerajinan, dedikasi, bertanggung-jawab, bertimbangrasa dan amanah adalah penting untuk mencapai matlamat Kerajaan Beta bagi mewujudkan pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah. Nilai-nilai tersebut tidak akan membawa erti sekiranya tidak diamalkan. Konsep Kepimpinan Melalui Teladan adalah menepati maksud ini. Amalan nilai-nilai konsep itu yang seharusnya meliputi semua golongan masyarakat hendaklah disertai dengan sikap positif seluruh anggota Kerajaan. Ini akan menghasilkan pentadbiran dan urusan Kerajaan yang lebih lancar dan khidmat yang lebih baik kepada rakyat. Dengan itu, rakyat akan dapat hidup lebih bahagia.*

*Nilai-nilai yang baik, seperti kesucian moral dan kebersihan fizikal, akan membawa kesempurnaan hidup kepada kita semua. Dalam mengamalkan nilai-nilai rohaniah yang baik, kita juga perlu menitikberatkan kebersihan fizikal, sama ada kebersihan diri mahupun kebersihan alam sekitar dan di sekeliling kita. Sesungguhnya, kebersihan adalah sebahagian daripada iman.*

### **Ahli-ahli Yang Berhormat,**

*Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala, kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita telah dapat mempertahankan dan mengelakkan diri daripada kesan yang lebih buruk, akibat kemelesetan ekonomi dunia. Dengan langkah-langkah ekonomi dan belanjawan yang tegas dan tepat yang telah diambil oleh Kerajaan Beta, ekonomi negara telah dapat terus berkembang pada tahap yang memuaskan pada tahun lepas.*

*Beta percaya dengan pemulihan ekonomi dunia yang sedang berlaku sekarang, ekonomi negara akan dapat terus berkembang dengan baiknya pada tahun ini. Paras harga getah, kelapa sawit, koko dan kayu-kayuan telah beransur baik. Kenaikan harga barangan utama ini akan dapat menambah pendapatan rakyat, khususnya para petani dan para pekerja di sektor industri. Sungguhpun begitu, kita mestilah terus berwaspada dan berhati-hati dalam perancangan perbelanjaan negara. Sifat jimat cermat hendaklah dijadikan amalan kebiasaan kita.*

*Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat akan dibentangkan dalam mesyuarat ini. Daripada Kajian tersebut, beberapa masalah dan rintangan di dalam sektor-sektor tertentu telah dikenalpasti. Masalah-masalah, rintangan-rintangan dan kemelesetan ekonomi telah menjejaskan pencapaian matlamat-matlamat sosio-ekonomi dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang. Penyelesaian masalah-masalah ini memerlukan beberapa pendekatan baru kepada arah pembangunan negara.*

*Dasar Pertanian Negara akan memberikan asas untuk merangka strategi-strategi serta program-program bagi mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian, dengan meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan para petani.*

*Dalam sektor perindustrian, penambahan barang-barang pembuatan untuk tujuan*

*eksport akan menjadi strategi baru. Eksport barang-barang pembuatan secara besar-besaran akan digalakkan. Satu Pelan Induk Industri sedang digubal dan kajian-kajian akan dibuat mengenai dasar-dasar perindustrian dan sistem galakan industri.*

*Dalam pembangunan bandar dan wilayah, satu pelan mengenai pengagihan pertumbuhan mengikut kawasan di peringkat negara akan dirangka. Ini bertujuan untuk mengurangkan perbezaan pembangunan antara kawasan dan meningkatkan kemajuan. Pelan tersebut akan menggunakan strategi pembangunan yang mengambilkira keperluan pembangunan antara negeri, dan dengan itu tidak kepada sempadan sesuatu negeri, sebagaimana sekarang. Strategi yang sama juga akan digunakan dalam memberi perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan Kerajaan kepada rakyat.*

*Kerajaan Beta akan juga memberi tumpuan kepada perancangan tenaga manusia ke arah meninggikan daya pengeluaran negara dan memberi perhatian untuk menghasilkan satu dasar kependudukan yang baru.*

*Dalam melaksanakan pendekatan baru itu, Beta menyeru sektor swasta supaya memainkan peranan yang lebih giat lagi dalam pembangunan negara. Konsep Persyarikatan Malaysia dan penswastaan akan diberi penekanan. Melalui konsep Persyarikatan Malaysia, kerjasama antara sektor awam dengan sektor swasta akan dapat dipereratkan lagi. Penswastaan akan dilaksanakan dalam konteks Dasar Ekonomi Baru.*

*Untuk memesatkan lagi pembangunan sosio-ekonomi dan untuk memberi asas kepada rancangan perindustrian, kemudahan infrastruktur yang moden perlu diadakan dan kemudahan asas yang sedia ada diperbaiki dan diselenggarakan. Dalam hal ini, Kerajaan Beta akan terus membina dan memperbaiki jalan, khususnya lebuh raya dan jalan-jalan di luar bandar, pelabuhan, lapangan terbang, perkhidmatan pengangkutan dan telekom. Pembekalan air dan kuasa elektrik akan juga diperluaskan.*

### **Ahli-ahli Yang Berhormat,**

*Kemajuan pelajaran dan pembangunan kebudayaan merupakan alat-alat yang penting bagi mencapai perpaduan negara. Sistem pelajaran dan latihan dibentuk untuk menyediakan rakyat Malaysia yang giat dalam pembangunan negara dan menghayati semangat disiplin, nilai moral dan etika kerja yang baik. Usaha-usaha ke arah pembangunan kebudayaan kebangsaan pula perlu diteruskan dan Beta menyeru setiap golongan rakyat, terutamanya kaum belia, agar memberi sumbangan positif terhadap usaha-usaha ini.*

*Belia hari ini, yang akan mewarisi tanggungjawab untuk memimpin negara pada masa hadapan, perlu mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang, berkeupayaan berfikir secara positif dan bertindak secara rasional. Adalah penting bagi golongan belia memastikan supaya asas-asas perpaduan yang dipupuk tidak terganggu sehingga mengakibatkan polarisasi kaum di kalangan mereka dalam aktiviti-aktivitinya. Semangat pelopor belia kita yang berbilang kaum amat perlu terus dipupuk dan digalakkan.*

*Penyertaan semua lapisan masyarakat, daripada murid-murid sekolah hingga orang-orang dewasa, dalam aktiviti sukan akan sentiasa digalakkan. Melaluinya kita dapat memelihara kesihatan dan mempereratkan perpaduan antara kaum. Adalah menjadi harapan Beta agar pencapaian sukan negara di peringkat antarabangsa akan meningkat.*

*Kita sedar bahawa pembangunan kebendaan tanpa pembangunan rohaniah akan mencacatkan hidup kita. Di atas kesedaran inilah Kerajaan Beta berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam sistem pentadbiran negara. Nilai-nilai Islam yang*

*sememangnya bersifat mulia dan universal, seperti bersih, cekap, amanah, ketekunan bekerja, keadilan sosial dan saling hormat menghormati diterima oleh masyarakat majmuk kita. Beta percaya penghayatan nilai-nilai itu dalam kehidupan kita akan membawa kesejahteraan kepada negara.*

### **Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

*Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala kerana, dengan perlindungan-Nya dan usaha gigih Pasukan Keselamatan serta kerjasama rakyat, keadaan keselamatan serta kesejahteraan negara terus terpelihara dan terkawal. Walaupun kita telah mencapai beberapa kejayaan dalam usaha memerangi dadah, kita tidak harus berpuashati dengan pencapaian setakat ini. Beta mengulangi seruan agar semua pihak terus memberi bantuan, kerjasama dan sokongan dalam memerangi ancaman dadah dan musuh-musuh negara yang lain. Beta tidak lupa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua anggota Pasukan Keselamatan kerana jasa dan semangat keperwiraan mereka mempertahankan kedaulatan dan maruah negara.*

*Dasar luar negara kita adalah benteng hadapan pertahanan negara. Kita menitikberatkan persahabatan dan kerjasama antara negara-negara jiran dan melalui ASEAN. Kemerdekaan penuh Negara Brunei Darussalam sangat kita alu-alukan. Kemasukan-nya ke dalam ASEAN akan mengukuhkan setiakawan negara-negara di rantau ini. Kita juga berazam memperkuatkan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) bagi rantau ini. Kita tetap gigih mencari penyelesaian politik secara aman bagi soal Kampuchea.*

*Kerjasama dengan negara-negara lain, khususnya negara-negara yang sedang membangun, akan dipergiatkan lagi, terutamanya di bidang ekonomi dan teknikal. Langkah-langkah ini perlu kerana kita sedar bahawa hasrat negara-negara Dunia Ketiga supaya wujud satu rangka kerjasama ekonomi antarabangsa yang adil dan saksama melalui Dialog Utara-Selatan nampaknya semakin lama semakin menghampakan. Hubungan dua-hala dan kerjasama dengan negara-negara tertentu dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa akan dipertingkatkan.*

*Malaysia sedia memainkan peranan ke arah keamanan dunia. Dalam memperjuangkan keadilan dan maruah sesuatu negara, kita akan terus menyumbang usaha mencari penyelesaian bagi krisis di Asia Barat, terutamanya mengenai perjuangan rakyat Palestin. Keganasan antarabangsa tetap kita kutuk; demikian juga pembunuhan yang didorong oleh tujuan politik, yang ada implikasi terhadap hubungan antarabangsa.*

*Dalam zaman moden ini, negara-negara saling bergantung dan perlu mengukuhkan hubungan antara satu sama lain. Melalui hubungan ini, kita telah berjaya memperoleh pelaburan asing dan pasaran antarabangsa bagi bahan-bahan eksport kita. Kejayaan ini adalah hasil lawatan pemimpin-pemimpin negara ke luar negeri dan juga lawatan pemimpin-pemimpin asing ke negara ini.*

### **Ahli-ahli Yang Berhormat,**

*Sejak Merdeka, kita telah mencapai tahap kemajuan yang boleh dibanggakan yang telah dapat mewujudkan keamanan dan kemakmuran kepada negara. Namun demikian, kita tidak patut berpuashati dengan tahap kemajuan yang telah dicapai. Sesungguhnya, perjuangan kita untuk membina sebuah negara yang aman, bersatupadu, bermaruah dan maju adalah satu perjuangan yang berterusan. Jika kita tidak waspada, kedaulatan negara kita akan tergugat. Jika kita tidak bersefahaman, kita akan berpecah belah. Jika kita enggan berusaha, kita akan ketinggalan. Jika kita gagal dalam melaksana-*

*kan tanggungjawab dan kewajipan kita, kita akan dipersalahkan oleh generasi akan datang. Inilah yang harus kita sedari. Atas hakikat inilah Beta menyeru semua pihak supaya bekerjasama dan berganding bahu melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan masing-masing dengan tekad dan azam yang lebih kuat. Kepentingan negara berasaskan kepada nilai-nilai nasionalisma hendaklah mengatasi kepentingan-kepentingan sempit. Insya Allah, dengan berkat semangat persefahaman dan kematangan semua pihak, tidak ada masalah yang tidak dapat kita selesaikan, tidak ada dugaan dan tidak ada cabaran yang tidak dapat kita hadapi.*

*Beta sukacita mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih Beta kepada Kerajaan Beta, di bawah pimpinan Perdana Menteri Beta dan semua pihak lain yang telah menumpahkan taat setia kepada Beta, sepanjang tempoh perkhidmatan Beta sebagai Yang di-Pertuan Agong. Beta berkeyakinan penuh bahawa sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan akan kekal di negara yang kita cintai ini.*

**Ahli-ahli Yang Berhormat,**

*Ahirkata, Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala semoga dianugerahkan taufik dan hidayah kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.*

*The English translation is as follows:*

## **ADDRESS BY HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG**

**In the name of Allah, Most Beneficent, Most Merciful.**

**Praise be to Allah, Lord of the Universe and may His Blessings and Peace be upon our Prophet Muhammad, his family and his companions.**

**Mr President, Mr. Speaker, Honourable Members of the Dewan Negara and Honourable Members of the Dewan Rakyat.**

*I thank Almighty Allah for His blessings in enabling me to address this House in conjunction with the Official Opening of the Second Session of the Sixth Parliament today.*

*Since my last Address to the Honourable Members in October 1982, our nation has continued to be peaceful and tranquil. The stability of our nation is a pride to us. It is a source of admiration to others. Although the world economic recession has an unfavourable impact on the performance of the nation's development and the livelihood of its people, by the Grace of Allah coupled with the wisdom of my Government and the people's resilience in facing challenges, the more adverse effects have been avoided.*

*My government has set the goal for our nation to be peaceful, united, dignified and progressive. There is no easy way to achieve this goal and, hence there is need for us to determine new directions from time to time. The Government under the leadership of my beloved Prime Minister, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohammad has continuously strived to introduce innovative policies. To ensure the success of the policies, we have to be positive in all our efforts.*

*The inculcation of noble values such as sincerity, diligence, dedication, responsibility, compassion and trustworthiness is important in achieving the declared goal of my Government to create a Clean, Efficient and Trustworthy administration. However, these values are meaningless unless they are put into practise. The concept of Leadership by Example is consistent with this goal. The adherence to these values by all members of the society must be accompanied by a positive attitude adopted by all members of the Government. This will result in a more efficient administration and provide for a better service to the people. Consequently, the people will be able to lead a more prosperous life.*

*Esteemed values, such as moral purity and physical cleanliness, will enhance our well-being. While adhering to virtuous spiritual values, we must also emphasize the importance of physical cleanliness, be it personal or environmental. Indeed cleanliness is an integral part of iman.*

**Honourable Members,**

*We thank Almighty Allah for His blessings, for, we have been able to sustain ourselves and avoid the more severe repercussion of the world economic recession. Last year the national economy continued to expand at a satisfactory pace due to the firm and appropriate economic and budgetary measures executed by my Government.*

*I am confident that with the current recovery of the world economy, our economy this year will continue to grow steadily. The prices of rubber, palm oil, cocoa and timber products have gradually improved. Increases in the prices of these commodities will lead to an expansion in the income of the people, particularly those of the farmers and the workers*

*in the industrial sector. Nevertheless, we must continue to be vigilant in planning national expenditure. Prudence should be our way of life.*

*The Mid-Term Review of the Fourth Malaysia Plan will be tabled during this meeting. In the Review, a number of problems and constraints in some specific sectors has been identified. These problems and constraints highlighted during the recent economic recession have affected the achievement of the socio-economic objectives of the Outline Perspective Plan. The solution to these problems requires new approaches in national development.*

*The National Agricultural Policy will provide the basis in the formulation of the strategies and programmes to revitalize the agricultural sector's contribution towards overall economic development. This is to be achieved by increasing the productivity and income of the farmers.*

*In the industrial sector, greater expansion of manufactures exports will be the new strategy for industrialization. In this regard large scale export of manufactured goods will be promoted. An Industrial Master Plan is being formulated. Studies on industrial policies and incentive system for manufacturing will be undertaken.*

*In urban and regional development, a national spatial plan will be formulated. This is aimed at reducing inter-regional disparities and to intensify development. The plan will use a development strategy which takes into account the development needs between states, and therefore will transcend state boundaries. A similar strategy will be adopted in providing government services and facilities to the people.*

*My Government will also focus on manpower planning with a view to increasing national productivity. Attention will also be given to the formulation of a new population policy.*

*In the implementation of these new approaches, I call upon the private sector to assume a more active role in national development. The concepts of Malaysia Incorporated and Privatisation will be emphasized. The cooperation between the public and the private sectors can be further strengthened through the concept of Malaysia Incorporated. Privatisation is to be implemented within the context of the New Economic Policy.*

*In order to enhance socio-economic development and to provide for a strong base for industrialisation, modern infrastructural facilities need to be provided and the existing ones to be improved and maintained. In this context, my Government will continue to build and improve roads, particularly highways and rural roads, ports, airports, transportation and telecommunication services. Water and electricity supply programmes will also be expanded.*

#### **Honourable Members,**

*Educational progress and cultural development are important means in attaining national unity. The educational and training system is formulated to prepare Malaysians to be actively involved in national development and to inculcate discipline, moral values and good work ethics. Efforts towards the development of national culture need to be further pursued and I call upon all Malaysians, especially the youths, to contribute positively towards this objective.*

*The youths of today, who will inherit the responsibility to lead the nation, need to acquire multi-faceted skills, the ability to think positively and also to act rationally. It is important for them to ensure that the existing spirit of unity is not undermined to the extent of causing racial polarisation in their activities. The pioneering spirit of our youths must continuously be nurtured and encouraged.*

*The participation of all levels of society, from school-going children to adults, in sports will always be encouraged. This is to ensure good health and to strengthen racial harmony. It is my hope that we improve our performance in sports at the international level.*

*We are deeply aware that material progress without spiritual development would render our existence incomplete. With this awareness, my Government has endeavoured towards instilling Islamic values in our administration system. These Islamic values such as purity, efficiency, trustworthiness, diligence, social justice and mutual respect, which in themselves are noble and universal, have been accepted by our plural society. I believe that the inculcation of these values in our daily lives will contribute to the well-being and solidarity of the nation.*

### **Honourable Members,**

*We thank Almighty Allah for, with His Protection and with the untiring efforts of our Security Forces and the cooperation of the people, the security and tranquility of our nation has been maintained. Although we have achieved some success in our fight against dadah. We should not be contended. I would like to reiterate my call to all the people to continuously render their assistance, cooperation and support in combating the dadah menace and other enemies of the nation. I would like to record my highest appreciation to all members of the Security Forces for their meritorious service and their heroism in defending the nation's sovereignty and honour.*

*Our foreign policy is our forward defence to our national security. We emphasize friendship and cooperation amongst neighbours as well as through ASEAN. It is with great delight that we welcome the full independence of Brunei Darussalam. Its entry into ASEAN will strengthen the solidarity among countries of this region. We are also determined to strengthen the Zone of Peace, Freedom and Neutrality in our region. We shall persevere in our search for a political and peaceful solution to the Kampuchea question.*

*Cooperation with other nations, particularly among developing nations, will be intensified especially in the economic and technical fields. These steps are necessary because we realize that the Third World nations, many a time, have continued to suffer frequent disappointments in the quest for a fair and just world economic order through the North-South Dialogue. Bilateral relations and cooperations with individual countries and with international organisations will be further enhanced.*

*Malaysia is prepared to continue to play its part contributing towards world peace. In promoting the cause of justice and the dignity of nations, we shall continue to contribute our efforts in finding a just solution to the crisis in West Asia, particularly in the struggle of the Palestinians. We totally condemn international terrorism, including politically inspired assassinations which have implications on international relations.*

*In this modern era, nations are inter-dependent and are required to foster stronger bond of friendship with one another. It is through such relationships that we have succeeded in attracting foreign investments and in gaining greater access to international markets for our exports. This success is made possible through the visits of Malaysia's leaders overseas and also of foreign leaders to Malaysia.*

### **Honourable Members,**

*We can be proud of the level of progress which we have achieved since Independence. It has brought about peace and prosperity to the nation. Nevertheless, we should not be contended. Indeed, our struggle to create a peaceful, united, dignified and developed*

*nation is a continuous endeavour. If we are not vigilant, the sovereignty of our nation will be threatened. If we forsake mutual understanding and tolerance, we will breed disunity. If we shun hard work, we will be left behind. Should we fail to carry out our common duties and responsibilities entrusted upon us, then we have to shoulder the blame from future generations. This we must never forget. It is with this awareness that I call upon all the people to work together with greater determination and diligence while performing our duties and responsibilities. The national interests based on nationalism must override any other interests. By the Grace of Allah and with the spirit of understanding and the maturity of all, no problems or challenges will remain unsolved or insurmountable.*

*I wish to take this opportunity to express my gratitude to my Government under the leadership of the Prime Minister, and to each and everyone for their loyalty to me during my reign as the Yang di-Pertuan Agong. I am fully convinced that the system of Parliamentary Democracy and Constitutional Monarchy will prevail forever in this beloved country of ours.*

**Honourable Members,**

*Finally, may Almighty Allah bestow His Blessings and Guidance on the Honourable Members of the Dewan Negara and the Dewan Rakyat in discharging the duties and responsibilities entrusted upon them.*

## MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

**Tuan Lim Kean Siew**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Yang Berhormat Tuan Lim Kean Siew telah mengangkat Sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan.

## MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli-ahli baru yang telah mengangkat Sumpah di hadapan saya sebentar tadi dan yang telah mengangkat Sumpah pada 8hb Mac yang lalu dan berharap semoga mereka akan dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

## UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH ALLAHYARHAM DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan dukacitanya saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu kita telah kehilangan seorang bekas Ahli dengan kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin pada 8hb April, 1984.

Sekarang saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian berdiri bertafakkur bersama-sama saya selama seminit untuk mengenang dan memperingati Ahli Yang Berhormat itu dan bagi orang-orang yang beragama Islam diminta menghadiahkan Fatihah seberapa ikhlas ke atas rohnyanya.

*(Majlis bertafakkur selama seminit dan yang beragama Islam menghadiahkan Fatihah)*

## MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu:

1. Akta Kewangan 1983;
2. Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983;
3. Akta Manuver Tentera 1983;
4. Akta Perbekalan 1984;
5. Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1984;
6. Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1984;
7. Akta Bank (Pindaan) 1984;
8. akta Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) 1984;
9. Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1984;
10. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1984;
11. Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1984;
12. Akta Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) 1984;
13. Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1984;
14. Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1984;
15. Akta Rumah Judi Terbuka (Pindaan) 1984; dan
16. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984.

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut. Saya jemput

Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

(6hb April, 1984)

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,  
Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2);
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983);
3. Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan;
4. Rang Undang-undang Kawalan Timah (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan);
7. Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan);
8. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Perancang Keluarga (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Elektrik (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian);
13. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan);
14. Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan);
15. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan); dan
16. Rang Undang-undang Perlesenan Tenaga Atom.

Yang ikhlas,

tandatangan:

**Yang di-Pertua Dewan Rakyat.**

## URUSAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya dalam Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan)(No.2);
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983);
3. Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan;
4. Rang Undang-undang Kawalan Timah (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan);
7. Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan);
8. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Perancang Keluarga (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Elektrik (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian);
13. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan);
14. Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan);
15. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan); dan
16. Rang Undang-undang Perlesenan Tenaga Atom.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**LAWATAN PERDANA MENTERI  
KE KANADA, AMERIKA,  
PERANCHIS DAN SWITZERLAND**

**1. Tuan Jaafar bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana pencapaian hubungan dua hala ekonomi, politik dan lain-lain, hasil dari lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat, Negeri Peranchis, Kanada dan Switzerland pada awal tahun ini.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat lawatan-lawatan rasmi ke Kanada, Amerika Syarikat, Peranchis dan Switzerland daripada 12 hingga 27 Januari tahun 1984 di atas jemputan Kerajaan-kerajaan yang berkenaan. Lawatan-lawatan tersebut adalah berjaya dan membawa faedah kepada negara kerana tujuan utama lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu telah tercapai iaitu untuk mempertingkatkan kerjasama dan persahabatan serta persefahaman antara Malaysia dengan negara-negara yang dilawati terutamanya dalam bidang-bidang perdagangan dan pelaburan.

Semasa lawatan tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berpeluang bertemu dengan ketua-ketua negara dan kerajaan, dengan menteri-menteri dan pegawai-pegawai tinggi di negeri-negeri yang dilawati untuk bertukar-tukar pendapat mengenai soal-soal hubungan dua hala dan antarabangsa. Beliau juga telah bertemu dengan ahli-ahli perniagaan dan usahawan-usahawan asing di semua negara berkenaan.

Pertemuan tersebut telah memberi peluang kepada Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri untuk menekankan bahawa adalah perlu bagi perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara tersebut dipersembangkan. Berkaitan dengan ini beliau telah meminta pasaran negara-negara maju tersebut dibuka dengan lebih luas kepada barang-barang utama dan hasil-hasil perkilangan dari Malaysia.

Pada masa ini eksport Malaysia ke negara-negara tersebut adalah kurang berbanding dengan import walaupun jumlah dagangan pada keseluruhannya adalah meningkat. Oleh yang demikian, perlulah diambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mempersembangkan perdagangan itu diambil. Sukacita saya memberitahu Dewan ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerima reaksi yang positif dalam hal ini. Dari segi pelaburan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan kepada pihak Kerajaan dan swasta di negara-negara tersebut bahawa Malaysia sedang di dalam proses memperkembangkan lapangan-lapangan industrinya dalam usaha memperluaskan asas ekonomi negara. Beliau telah menekankan bahawa Malaysia menyambut penyertaan syarikat-syarikat asing dalam proses tersebut terutamanya di dalam pemindahan teknologi. Beliau telah mengambil kesempatan untuk memberi penjelasan mengenai dasar-dasar pelaburan Malaysia dan memberi gambaran terhadap iklim pelaburan di negara kita untuk mengurangkan salah faham dan syak wasangka pihak-pihak tersebut tentang dasar kita. Minat daripada pihak-pihak berkenaan adalah sangat menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang industri pula, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertukar-tukar pendapat dengan Kerajaan-kerajaan berkenaan mengenai keadaan keselamatan di rantau Asia Tenggara terutamanya soal Kampuchea, keadaan di Asia Barat dan soal Palestin dan juga lain-lain isu serantau dan antarabangsa. Pemimpin-pemimpin negara tersebut

telah mengulangkan sokongan mereka terhadap pendirian dan usaha-usaha Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain yang gigih dalam mencari penyelesaian terhadap masalah Kampuchea.

Dalam perbincangan dengan Presiden Reagan di Washington, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberitahu pemimpin Amerika Syarikat itu tentang Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) diberi peranan penting dalam usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah Palestin dan juga kesediaan PLO mencari penyelesaian melalui penyertaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, terutamanya Majlis Keselamatan PBB. Presiden Reagan telah mengatakan pendapatnya bahawa jika PLO mahukan peranan yang sah dalam soal Palestin ini adalah perlu bagi PLO mengiktiraf hak negara Israel untuk wujud. Jadi ekoran daripada kenyataan Presiden Reagan itu, kita telah meminta pihak Amerika mengenalpasti kepada kita apakah yang dimaksudkan sebagai negara Israel, adakah dimaksudkan Israel pada tahun 1948 mengikut Resolusi PBB; adakah Israel pada tahun 1967; adakah Israel daripada Sungai Nile ke Euphrates? Ini semuanya kita minta keterangan daripada pihak Amerika kerana sempadan negara tersebut tidak pernah dinyatakan oleh Amerika yang mana satu. Sekiranya Amerika Syarikat boleh memastikan sempadan sebenar negara Israel, mungkin PLO bersedia membuat pertimbangan.

Hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tidaklah dapat diperhitungkan kesan jangka pendeknya atau jangka panjangnya terhadap perdagangan pelaburan dengan cara matawang, tetapi saya percaya bahawa langkah tersebut telah membantu membuka mata pihak-pihak di negara yang dilawati terhadap kestabilan ekonomi kita dan peluang-peluang pelaburan di negara kita. Oleh itu, insya Allah, peningkatan hubungan

antara Malaysia dan negara-negara yang berkenaan dalam kedua-dua bidang ini hasil daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh kita lihat dalam sedikit masa lagi, insya Allah.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada lawatan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita ke beberapa buah negara maju seperti yang kita tahu, adakah pemimpin-pemimpin negara itu berhajat pula hendak melawat negara kita Malaysia ini untuk mengerat dan menambahkan lagi kemajuan-kemajuan yang telah dicapai?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya lawatan yang dibuat oleh Perdana Menteri kita itu adalah lawatan balas kebanyakannya kerana Perdana Menteri Perancis sudah datang ke mari, Perdana Menteri Kanada pun sudah datang ke mari; yang belum datang ke mari ialah Presiden Reagan.

## KOMPLEKS PENJARA DI SUNGAI JALOH - PEMBINAAN

**2. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) sebab-sebab mengapa Kompleks Penjara di Sungai Jaloh yang sepatutnya siap dalam tahun 1982 masih belum siap hingga ke hari ini;
- (b) anggaran perbelanjaan asal untuk pembinaan kompleks penjara itu dan perbelanjaan sebenar sehingga siap didirikan; dan
- (c) sama ada semua banduan dalam Penjara Pudu akan dipindahkan ke kompleks penjara ini selepas siap dibina.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian (a) Kompleks Penjara di

mengelakkan supaya rakyat kita tidak takut lagi hendak pergi ke hospital untuk bersalin sebagaimana yang terjadi kepada orang ini. Setahu saya jawapan ini tidak diadakan dalam suratkhobar, tidak ada jawab balas tetapi hanya dalam Parlimen ini sahaja. Adakah telah dibuat bagi mengelakkan perkara ini tidak berlaku dan juga kepada rakyat kita tidak takut dalam soal hendak pergi bersalin di hospital?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa kita belum lagi menjelaskan perkara ini dalam suratkhobar mengenai perkara ini dan dua lagi kes pada tahun yang lalu. Malangnya penyiasatan di atas kes-kes itu baru selesai dan kita sedang menyusuli tindakan-tindakan yang perlu. Apa yang penting pada kami di Kementerian adalah bahawa peraturan-peraturan mengenai pembedahan kecil seperti ini di Labour Room adalah di jalankan dengan peraturan-peraturan yang lebih selamat dan peraturan-peraturan ini sentiasa dipatuhi oleh kakitangan yang berkenaan di bilik persalinan itu.

## KEADAAN JALANRAYA

**6. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan keadaan jalan-jalan raya di negeri-negeri dan sama ada beliau akan memperluaskan jalanraya tersebut memandangkan penambahan bilangan kenderaan lalu lintas.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr. Nik Hussain bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya belum berpuas hati dengan keadaan jalanraya-jalanraya di negara kita, tetapi jika diambil kira peruntukan yang diluluskan untuk Kementerian saya dan dengan pertambahan lalulintas yang terlalu pesat maka saya rasa keadaan jalanraya di negara kita ini tidaklah begitu buruk terutamanya jika dibandingkan dengan negara-negara

lain yang sedang membangun di dunia ini.

Satu daripada tindakan yang telah diambil oleh Kementerian saya untuk memastikan pembesaran dan kenaikan taraf jalan-jalan yang ada ialah dengan mengadakan kajian lalulintas dari masa ke semasa. Baru-baru ini satu kajian seperti itu telahpun dibuat dan dengan adanya kajian itu Kementerian saya telah mengenalpasti jalanraya-jalanraya yang patut diperluas dan dinaikkan taraf untuk menampung kehendak lalulintas. Walau bagaimanapun perkara perlaksanaannya adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan dari Kerajaan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tadi telah dikatakan ada kajian sedang dibuat. Saya ingin bertanya, kajian ini adakah dibuat oleh rakyat kita sendiri di Kementerian ataupun ada konsultan dari luar negeri yang membuat kajian?

**Dato' Dr. Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Kajian sentiasa dibuat dan laporan yang saya katakan telah disiapkan itu adalah hasil daripada kajian-kajian yang dibuat oleh pihak kita sendiri dan juga oleh pakar-pakar dari luar negeri dan dicantumkan untuk dijadikan satu laporan.

## HUBUNGAN EKONOMI/ TEKNIKAL DENGAN MALDIVES

**7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan rangka yang terpenting dalam hubungan ekonomi dan teknikal dalam jangka panjang dan pendek yang dianggap boleh memberi faedah kepada Malaysia sebagaimana yang telah dipersetujui oleh negeri ini dengan negara Kepulauan Maldives baru-baru ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, hubungan

ekonomi dan teknikal jangka panjang dan pendek dengan Republik Maldives yang dianggap boleh memberi faedah kepada Malaysia adalah penglibatan kita umpamanya didalam memproses dan mengedar ikan di pasaran-pasaran antarabangsa terutama sekali di Asia Barat, di Eropah, di Amerika Syarikat dan Jepun. Kita juga bercadang untuk melibatkan diri dalam industri pelancungan, industri pembinaan dan industri perkapalan secara usahasama dengan Republik itu. Di samping itu juga kita bertujuan untuk menjual barangan keperluan pengguna (consumer items) ke Republik Maldives.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, kita juga mempunyai hasrat untuk memberi bantuan dengan seberapa yang boleh dalam usaha-usaha pembangunan republik itu. Dalam hal ini kita telah menawarkan bantuan teknik kepada negara tersebut di bawah program kerjasama teknikal Malaysia.

Sebagai kesimpulannya walaupun Maldives merupakan sebuah negara dikategorikan di dalam kumpulan negara yang termiskin di dunia, negara tersebut mempunyai potensi untuk membangun. Pembangunan yang pesat dijangka akan berlaku di bidang-bidang perikanan, pelancungan, perkapalan dan pembinaan dan ini memberi peniaga-peniaga kita peluang untuk melibatkan diri di dalam pembangunan tersebut secara usahasama.

#### **DASAR PENSWASTAAN – GARIS PANDUAN**

**8. Tuan Kee Yong Wee** minta Perdana Menteri menyatakan garis panduan yang menyeluruh mengenai dasar penswastan dan nyatakan satu persatu projek yang telah diluluskan di bawah dasar pengswastan serta jumlah pemodal yang terlibat dan syarat yang dikenakan bagi setiap projek yang diswastakan.

**19. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Perdana Menteri menyatakan senarai agensi-agensi

Kerajaan yang telah dan yang akan diswastakan dalam tahun ini; dan siapakah yang telah menerima penyerahan ini dan apakah kriteria-kriterianya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan satu lagi No. 19 pada dari ini daripada Yang Berhormat Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan.

Sebagaimana yang pernah dinyatakan pada masa lalu bahawa rancangan penswastan ini adalah melibatkan keseluruhan kepentingan dan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang sesuai untuk dikendalikan oleh sektor swasta. Ianya tidaklah terbatas kepada beberapa bidang yang baharu sahaja. Walau bagaimanapun, perlaksanaannya dibuat secara peringkat-peringkat dan memerlukan kajian-kajian mendalam supaya dapat mencapai matlamat-matlamat yang dikehendaki. Pada keseluruhannya bidang perkhidmatan yang penting yang sedang giat dikaji untuk diswastakan adalah meliputi infrastruktur asas.

Antara-antara perkara-perkara penting yang telah diputuskan untuk diswastakan setakat ini adalah seperti di bawah ini:-

1. Perkhidmatan Rangkaian Ketiga oleh Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB) kepunyaan Fleet Group.
2. Cadangan menswastakan Depoh Baikpulih Kapal Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (DEBKAT) yang sekarang ini dikendalikan oleh TUDM.
3. Pengurusan Jalanlintas Selat Kelang Utara.
4. Pengendalian Perkhidmatan Telekom menerusi sebuah Perbadanan yang pada awalnya akan dikawal oleh Kerajaan.

5. Beberapa perkhidmatan bandar, khususnya pengurusan tempat letak kereta.

Walau bagaimanapun, proses pelaksanaan keputusan menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut masih lagi dalam beberapa peringkat yang tertentu termasuk kajian-kajian awal sehinggalah keperingkat perundingan dengan syarikat yang terpilih.

Di antara beberapa kriteria penting dalam menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan ialah keupayaan dari segi modal, kepakaran dan pengurusan syarikat-syarikat yang mengambil alih atau menyediakan perkhidmatan berkenaan. Di samping itu kriteria-kriteria yang selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru juga menjadi sebahagian daripada syarat penyerahan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Kerajaan juga mesti berpuas hati bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang diswastakan menjadi lebih cekap dan memberi faedah kepada rakyat serta pengguna-pengguna berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan R. M. Jasni.

**Tuan Basharon bin Hanapiah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

#### SABAH – TINDAKAN MENGAWAL/MEMBENTERAS LANUN

**9. Tuan Basharon bin Hanapiah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan-tindakan positif yang telah dijalankan bagi mengawal dan membenteras kegiatan lanun yang sentiasa mengganas di perairan Sabah terutama di kawasan Pantai Timur.

**Tuan Mohd. Kasim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kegiatan-kegiatan lanun berlaku diperairan

Sabah tetapi keadaan keselamatan adalah terkawal.

Di antara langkah-langkah membenteras dan mengawal kejadian itu, Polis Diraja Malaysia khususnya Polis Marin telah meningkatkan rondaan di kawasan-kawasan strategik dan sensitif. Bot-bot ronda jenis terbesar dan bot ronda jenis laju telah digunakan bagi tujuan ini. Di samping itu Pasukan Polis Hutan juga telah ditempatkan di sekitar kawasan yang kritikal dan pemeriksaan ketat dijalankan dari masa ke semasa di pulau-pulau kecil untuk menjamin keselamatan penduduknya. Dengan langkah-langkah di atas kegiatan lanun dapat dibendung dan dibenteras.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk G. Pasamanickam.

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 10

#### GURU-GURU PELATIH – PENGAMBILAN

**10. Tuan K. Kumaran** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bilangan guru-guru terlatih semakin berkurangan sama ada Kementerian mempunyai cadangan untuk meningkatkan jumlah pengambilan guru-guru pelatih

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamad Khalil Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak mengalami kekurangan guru-guru siswazah terlatih di sekolah-sekolah menengah. Walau bagaimanapun, di peringkat sekolah rendah kita memang menghadapi kekurangan guru-guru keluaran maktab. Kekurangan ini adalah disebabkan berlakunya pertukaran dalam kadar nisbah 1 kelas dengan 1.2 guru kepada 1 kelas dengan 1.5 guru. Bagi mengatasi masalah ini langkah yang pertama yang sedang diambil ialah untuk meningkatkan pengambilan guru-guru pelatih khasnya guru-guru sekolah rendah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Noor bin Bedah.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 11

### RANCANGAN BAIKPULIH DUSUN

**11. Tuan Fadzil bin Mahmood** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan iaitu sejak dilaksanakan Rancangan Baikpulih Dusun:

- (a) berapa ramaikah petani yang menyertai projek tersebut dan peruntukan yang telah dibelanjakan.
- (b) jumlah keluasan tanah yang telah dimajukan; dan
- (c) apakah rancangan yang telah dan sedang disusun oleh pihak Kementerian supaya projek ini mencapai matlamat dapat memenuhi keperluan buah-buahan dalam negeri, dan seterusnya untuk dieksport.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi:-

- (a) bilangan petani yang menyertai program rancangan baikpulih dusun ialah seramai 27,230 orang dan perbelanjaan yang telah dibelanjakan ialah sebanyak \$9.07 juta sejak program ini dimulakan dalam tahun 1981.
- (b) jumlah keluasan yang telah dimajukan ialah 8,162 hektar.
- (c) rancangan-rancangan positif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk membaiki pengeluaran dan meninggikan kualiti buah-buahan tertentu ialah menggalakkan petani-petani menanam jenis-jenis buah-buahan terpilih mengikut zon-zon yang telah dikenalpasti, mengamalkan kaedah-kaedah

kultur kebun dan pengurusan ladang yang lebih sempurna dan mengusahakan dusun secara komersial mengikut konsep kelompok atau estet mini. Nasihat dan tunjuk ajar yang berkenaan akan terus diberi kepada petani-petani menerusi sistem perkembangan 2M. Di samping itu aktiviti-aktiviti berkenaan yang dijalankan oleh agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian, FAMA, Lembaga Persatuan Peladang dan MARDI akan dirancang bersama dan diselenggarakan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya daripada jumlah 27,230 orang telah mengambil bahagian dalam pemuliharaan yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi daripada jumlah \$9.07 juta yang telah dibelanjakan setakat ini apakah keuntungan yang kita dapat sejak diwujudkan 1981 dahulu? Saya ingin bertanya bagaimana kemajuannya.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rancangan ini hanya dimulakan sejak tahun 1981 jadi saya tidak dapat memberi angka-angka yang tertentu kepada pihak Yang Berhormat untuk menentukan keuntungan yang diperolehi oleh pihak para petani.

### LEBUHRAYA-LEBUHRAYA – KEROSAKAN

**Dato' S. Govinda Raj** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa selalu berlaku kerosakan jalan di Lebuhraya-lebuhraya dan jalan-jalan di bandar-bandar dan pekan-pekan, dan kerosakan ini tidak diperbaiki dengan segera; dan sama ada beliau akan menimbang untuk mengadakan Unit Peronda Membaiki Kerosakan Jalan supaya Unit ini boleh meronda untuk memastikan di mana ada kerosakan dan memperbaikinya dengan segera.

**Dato' Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kerosakan jalanraya selalu berlaku dinegara kita terutamanya dalam musim tengkujuh apabila kerosakan berlaku dengan begitu banyak dan begitu teruk, dan dengan keadaan yang demikian tidaklah dapat diperbaiki dengan serta merta. Kementerian saya sentiasa mengambil berat perkara ini dan telah mengambil tindakan-tindakan sewajarnya seperti memperkuat pemeriksaan dan cara-cara penyelenggaraan jalan-jalan di semua negeri.

Satu daripada tindakan-tindakan tersebut ialah mengadakan pasukan penyelenggaraan yang tertentu dan yang terlatih bagi maksud penyelenggaraan jalan-jalan ini sama ada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat negeri. Satu daripada tugas-tugas pasukan penyelenggaraan ini ialah untuk membuat rondaan dan pembaikan lubang-lubang ditemui serta merta yang boleh.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pihak Kerajaan telah tahu kelemahan-kelemahan dan juga keadaan tanah-tanahnya dan jalan-jalan yang runtuh ataupun yang pecah dan tidakkah ada pihak Kerajaan berhasrat supaya tempat-tempat yang selalu dilanda oleh banjir dibuat jalan sebagaimana saya melihat di Filipina, iaitu jalan-jalan yang seumpama itu mereka buat bukan dengan tar tetapi konkrit iaitu dengan simen dan batu iaitu air pun tidak dapat memecah jalan itu. Adakah pihak Kerajaan bercadang sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan Filipina di satu-satu tempat atau kawasan di dalam negeri ini?

**Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat tetapi keadaan lain tempat lain caranya dan pada pendapat JKR kebanyakan daripada kerosakan ini ialah berlaku kerana foundationnya, dengan izin, yang rosak. Oleh sebab itu

permukaan jalan itu pecah-pecah. Di mana permukaan jalan sahaja yang pecah barangkali dengan cara Yang Berhormat cadangkan itu boleh kita mengatasi keadaan ini dan cara ini sedang dikaji oleh pihak JKR.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita merasa pelik dan hairan akan kejadian-kejadian dan kerosakan di jalanraya-jalanraya dan lebuhraya-lebuhraya kita pada hari ini kerana kadang-kadang kita telah suarakan di Mesyuarat-mesyuarat peringkat Daerah dan sebagainya di mana Jurutera-jurutera memberi pandangan-pandangan di Jawatankuasa-jawatankuasa Keselamatan Jalanraya, kita dapati yang anihnya pada beberapa puluhan tahun yang lampau 'maintenance' jalanraya-jalanraya ini ada dengan memperbaiki longkang dan parit di tepi jalanraya atau apa yang diistilahkan oleh JKR 'side-table', tetapi pada masa kebelakangan ini cuma 'side-table' sahaja diperbaiki dan kadang-kadang keadaannya lebih tinggi daripada permukaan jalan. Kemudian segala longkang dan parit-parit saluran air di tepi-tepi jalan ini tidak diperbaiki langsung kerana menurut JKR, mereka hanya memperbaiki 'side-table'. Jadi, negara kita yang penuh dengan hujan hampir sepanjang tahun ini kadang-kadang kita dapati jalanraya sudah menjadi parit besar apabila musim hujan. Jadi, dengan kenderaan-kenderaan yang berat, dengan juga lori-lori yang lebih muatan, kesemua ini memberi sumbangan terhadap penghancuran jalan-jalan kita. Jadi apakah langkah-langkah yang konkrit yang boleh kita jamin sekurang-kurangnya tidaklah berlaku sebagaimana hari ini. Minta penjelasan.

**Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya boleh dikatakan tidak ada jalanraya kita banjir kerana hujan lebat dan air tidak boleh lari. Kebayakannya kalau ada banjir 'flash flood' tidak berapa lama

keadaan air pun surut dan tidak lagi menjadi banjir. Sebenarnya kebanyakan daripada jalan-jalan yang telah disediakan oleh pihak JKR memang ada parit-parit dan sentiasa juga parit-parit ini diawasi supaya tidak tersumbat, tetapi maktumlah dengan pertumbuhan begitu banyak pembangunan di tepi-tepi jalanraya maka taliair-taliair ini ada masanya telahpun dimusnahkan oleh pihak penduduk-penduduk itu sendiri.

Dalam soal jalan kita dengan begitu banyak sekali gus rosak, itu adalah pendapat pihak-pihak yang tertentu untuk memburuk-burukkan nama Kerajaan. Yang sebenarnya tidaklah begitu banyak kali kita bandingkan dengan begitu panjangnya jalanraya-jalanraya yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan, cuma beberapa batu sahaja yang rosak dan jalan-jalan ini kalau dikaji dengan secara mendalam adalah jalan-jalan yang patut dibaiki setelah sampai ketika dan masanya untuk dibaiki.

### PEMBUNUHAN ANGGOTA POLIS DALAM ROMPAKAN WANG

**13. Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar Negara Malaysia sekarang ini tidak aman kerana didapati akhir-akhir ini berlaku pembunuhan kepada anggota Polis dan perompak wang yang mengguna senjatapi; jika benar mengapakah perkara ini berlaku tiap-tiap bulan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa wujudnya kejadian-kejadian jenayah seperti pembunuhan, termasuk pembunuhan anggota Polis dan rompakan wang dengan menggunakan senjatapi, tetapi ini tidak boleh di jadikan asas bahawa negara ini tidak aman, kerana perkara seperti ini wujud di mana-mana negara pun, ianya tidak dapat dibanteras ataupun dihapuskan sepenuhnya (completely).

Perangkaan-perangkaan kejadian bunuh dan rompakan di negara ini dalam tiga tahun yang lampau tidak menunjukkan kejadian-kejadian itu bertambah dengan banyaknya. Kejadian-kejadian itu, walau bagaimanapun, adalah terkawal dan ketenteraman awam adalah terjamin.

Perangkaan-perangkaan menunjukkan bahawa kejadian-kejadian tersebut telah menurun, kecuali dalam tahun 1983. Dari perangkaan ini, kejadian rompakan di Malaysia dalam dua tahun yang lampau hanya di antara 1.8 hingga 2.1 kejadian bagi tiap-tiap 100,000 orang penduduk, walhal di negara-negara maju yang dikatakan aman, peraturannya adalah dalam lingkungan 2.5 hingga 5.3 bagi tiap-tiap 100,000 orang penduduk.

Dari perangkaan-perangkaan itu jelaslah bahawa negara kita lebih aman dari setengah-setengah negara yang dianggap aman sungguhpun terdapat perbezaan keadaan ekonomi dan nilai masyarakat.

**Tuan Basharon bin Hanapiah:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah perompakan dan pembunuhan yang sedang berlaku itu ada berkaitan dengan parti komunis ataupun anasir jahat dalam negara kita yang tidak mahu melihat rakyat negara ini hidup dalam aman dan damai?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dapat kita pastikan setakat ini bahawa kejadian ini berlaku dengan mempunyai kaitannya dengan niat jahat.

### GAS ASLI – PASARAN

**14. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Perdana Menteri menyatakan sama dan pasaran gas Asli dari negara ini akan menghadapi kesulitan menjelang tahun 1990, memandangkan penjana tenaga yang berasingan dari penggunaan tenaga nuklier dan arang batu, seperti di Amerika dan Jepun.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sumber gas asli yang berlebihan, Kerajaan berkewajipan untuk melaksanakan program penggunaan gas dalam negeri, terutamanya oleh stesen-stesen janakuasa yang pada ketika ini menggunakan minyak bahanapi. PETRONAS akan membekalkan gas kepada stesen janakuasa baru LLN di Paka pada penghujung tahun ini. PETRONAS juga merancang untuk menyiapkan rangkaian saluran paip merintang Semenanjung Malaysia ('Trans-Peninsular') yang akan menyalurkan gas dari lapangan-lapangan di luar pantai Pantai Timur Semenanjung Malaysia ke Pantai Barat menjelang tahun 1990. Pasaran utama bagi gas asli yang disalurkan ini ialah stesen-stesen janakuasa LLN yang besar di Pantai Barat.

Kerajaan telahpun mengambil keputusan untuk melaksanakan strategi menggunakan empat sumber bahanapi iaitu minyak, gas, hidro dan arang batu. Selaras dengan strategi ini, stesen janakuasa Pelabuhan Kelang Fasa II telah dirangka untuk menggunakan arang batu.

Memandangkan rancangan LLN untuk menggunakan gas, adalah dijangka bahawa pasaran gas dalam tahun 1990 tidak akan menghadapi sebarang kesulitan. sebaliknya tahun 1990 akan menandakan kemunculan pasaran gas yang lebih berkembang.

#### **HELIKOPTER TENTERA RUSSIA MENCEROBOH RUANG ANGKASA MALAYSIA**

**15. Tuan Nasir bin Haji Manap** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa helikopter kepunyaan tentera Russia telah menceroboh masuk ke ruang angkasa Malaysia di pantai Terengganu baru-baru ini dan kejadian itu telah menimbulkan keadaan ketakutan di kalangan pekerja-pekerja di pelantaran

minyak PETRONAS; jika sedar mengapa jet-jet pejuang kita (TUDM) yang berpangkalan di Kuantan tidak mengusir atau menembaknya.

*11.4.1984*

**32. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada kemunculan helikopter Tentera Russia pada akhir bulan Februari 1984 berhampiran pelantar minyak PETRONAS di laut bertentangan dengan Kuala Terengganu itu tidak mengancam keselamatan negara.

*13.4.1984*

**20. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil bagi mencegah dan menghalang negara-negara luar menceroboh negara kita melalui ruang udara dan perairan Malaysia ini.

*19.4.1984*

**31. Puan Hajjah Hafsa binti Othman** minta Menteri Pertahanan menyatakan tindakan pihak Kementerian Pertahanan ekoran dari pencerobohan Helikopter Russia di kawasan pelantar minyak di perairan Trengganu baru ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Puan Hasanah binti Kassim, Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman dan Hajjah Hafsa binti Othman pada 11, 13 dan 19hb April, 1984 kerana semua soalan tersebut adalah sama maksudnya dengan soalan ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kemunculan helikopter Soviet Russia seperti yang dimaksudkan itu sebenarnya telah berlaku di luar perairan wilayah dan ruang angkasa negara kita. Walau

bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berwaspada di atas kehadiran kuasa asing berlaku di kawasan perairan negara kita.

## PERSEKOLAHAN SEBELAH PAGI

**16. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan sehingga bilakah semua sekolah-sekolah dalam Malaysia dapat mengadakan persekolahan di sebelah pagi sahaja dan tidak ada lagi sekolah-sekolah belajar di waktu petang.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar tentang masalah pesekolahan dua sidang dan berhasrat untuk mengatasi masalah yang timbul dari amalan tersebut. Namun begitu, masalah ini tidaklah begitu serius kerana yang paling ketara hanyalah wujud di bandar-bandar besar sahaja. Kita perlulah juga akui hakikat bahawa rancangan untuk mengadakan sekolah satu sidang terpaksa melibatkan perbelanjaan negara yang besar. Jika sekolah-sekolah kita menggunakan satu sidang sahaja adalah dijangka keperluan bilik darjah pada tahun 1985 ialah 50,208 bilik darjah yang melibatkan perbelanjaan sekitar \$1,260 juta. Inilah halangan kita yang utama, apatah lagi dalam keadaan negara telah menghadapi kemelesetan ekonomi.

Masalah kekurangan tanah yang serius di kawasan bandar menambahkan lagi halangan yang sedia ada. Sebaliknya walaupun Kementerian mampu membina bangunan-bangunan sekolah yang tinggi (high-rise building) namun masalah persekolahan belum tentu boleh diatasi sepenuhnya kerana sekolah demikian rupa akan mempunyai pengambilan di antara 2,000 atau 3,000 bagi satu-satu sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Pelajaran, Kementerian Pelajaran pada tahun 1983 didapati bahawa taraf masalah persekolahan dua sidang adalah sederhana dan boleh diselesaikan di peringkat sekolah. Adalah didapati pencapaian akademik murid-murid di sekolah berkenaan tidak memuaskan adalah juga tidak benar kerana pemboleh-ubahan (variables) prestasi membuktikan ramai murid-murid berada dalam lingkungan baik dan sangat baik.

## SIRI CERAMAH DAN PENERANGAN MENENGAH PERLEMBAGAAN MALAYSIA

**17. Tuan Haji Mohamed bin Yahya** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian Penerangan akan mengadakan satu siri ceramah dan penerangan kepada rakyat mengenai Perlembagaan Malaysia supaya rakyat lebih memahami isi Perlembagaan Malaysia.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya melalui Jabatan Penerangan telah menjalankan satu kempen yang tersusun mengenai Perlembagaan di seluruh negara bagi semua peringkat rakyat Malaysia. Dalam kempen tersebut telah diadakan kursus sivik yang mengambil masa dari setengah hingga satu hari di mana penceramah-penceramah menyampaikan penerangan berhubung dengan berbagai aspek Perlembagaan. Penceramah itu juga telah menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh para peserta.

Suka saya menegaskan di sini bahawa Jabatan Penerangan adalah sentiasa dan akan terus menjalankan segala kegiatan untuk memberi penjelasan mengenai dasar-dasar Kerajaan termasuk isu-isu seperti Perlembagaan. Di samping itu satu siri mengenal undang-undang dan Perlembagaan sedang dirancangkan untuk siaran televisyen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

**Tuan Ibrahim bin Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan 18.

### PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI—KEMALANGAN JALANRAYA

**18. Tuan Ibrahim bin Mat Saman** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa kebelakangan ini sering berlaku kemalangan jalanraya dan lain-lain yang mengakibatkan kehilangan nyawa penuntut-penuntut kita di luar negeri dan sama ada beliau sedar bahawa punca kemalangan ini ialah kurang pengetahuan keselamatan jalanraya di negara asing dan/atau penuntut-penuntut kita yang mendapat biasiswa Kerajaan terlalu mewah kehidupan mereka di luar negeri; dan sama ada Kementerian telah membuat siasatan atas kemalangan ini.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob** Tuan Yang di-Pertua, kemalangan jalanraya di kalangan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah bilangan pelajar-pelajar kita di luar negeri. Kemalangan-kemalangan seperti ini adalah sesuatu yang luar dari dugaan dan tiada sesiapa dapat menentukannya. Bagaimanapun Kementerian Pelajaran melalui Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri sentiasa menjalankan penyiasatan apabila berlaku apa-apa kemalangan dan sentiasa menasihatkan pelajar-pelajar supaya berhati-hati menjaga keselamatan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar biasiswa yang diberikan oleh Kerajaan kepada pelajar-pelajar hanya cukup untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan wajib sepanjang musim pengajian. Mengikut kajian jumlah yang diberikan adalah memadai untuk menampung keperluan hidup dan bayaran pengajian

mengikut keperluan semasa. Selain dari itu bukan semua pelajar-pelajar kita di luar negeri mempunyai kereta bahkan bilangan yang mempunyai kereta adalah terlalu kecil. Ada di antara mereka membeli kereta secara berkongsi atau disewa untuk kegunaan melancung semasa bercuti. Lagipun harga kereta-kereta terpakai di luar negeri terutamanya di Amerika Syarikat adalah rendah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan.

**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tadi sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, jadi tidak perlu jawab soalan yang ke 19 ini.

### GURU-GURU BERSARA SEBELUM UMUR 55 TAHUN

**20. Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru yang telah meminta untuk bersara sebelum berumur 55 tahun; dan sama ada Kementerian Pelajaran menghadapi masalah kekurangan guru-guru terlatih; jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru-guru yang diluluskan untuk bersara secara pilihan sebelum umur 55 tahun bagi tahun 1983 ialah seramai 314 orang. Kementerian Pelajaran sebenarnya tidaklah mengalami kekurangan guru tetapi jika dimaksudkan guru-guru terlatih memanglah kita menghadapi masalah itu. Kekurangan guru ini adalah ditampung melalui pengambilan guru-guru sementara. Kita sedang merancang pengeluaran guru-guru peringkat ijazah dan maktab dari masa ke semasa untuk menampung kekurangan yang disebutkan. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri masih adakah lagi dasar guru-guru sementara ini pernah dan diserapkan kepada guru-guru latihan. Adakah masih berjalan dasar itu hingga ke masa ini?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya guru-guru sementara ini dalam rangka mengajar mengambil peperiksaan semula dan sebagainya dan menepati syarat-syarat untuk kemasukan untuk mereka dilantik, maka dengan sendirinya mereka dapat memasuki maktab-maktab dan keluar sebagai guru tetap.

#### SEMPADAN SEMULA KAWASAN PILIHANRAYA – BANTAHAN

**21. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada bantahan-bantahan telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihanraya berhubung dengan cadangan-cadangan Sempadan Semula Kawasan Pilihanraya dan sama ada sempadan itu akan dirombak semula mengikut cadangan atas bantahan yang telah dibuat dan disampaikan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bantahan-bantahan terhadap cadangan Suruhanjaya Pilihanraya mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihanraya telah diterima di dalam tempoh pameran bagi pemasyuran-pemasyuran Suruhanjaya daripada 4hb Januari hingga 3hb Februari, 1984. Pada masa ini Suruhanjaya sedang mengadakan siasatan-siasatan tempatan bagi bantahan-bantahan yang dibuat oleh perayu di bawah seksyen 5 Bahagian 2, Jadual ke 13 Perlembagaan. Tidakkah dapat dinyatakan pada masa ini sama ada Suruhanjaya akan meminda semula syor-syor yang telah dibuat. Walau bagaimanapun saya percaya Suruhanjaya akan memberi pertimbangan sewajarnya ke-

pada cadangan-cadangan balas yang dibuat oleh perayu yang difikirkan menasabah dan menepati prinsip-prinsip bersempadan.

#### BAKAL HAJI KE MEKAH MELALUI NEGERI THAI

**22. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar ramai bakal-bakal Haji dari negara ini pergi menunaikan fardhu Haji ke Mekah melalui Negeri Thai;
- (b) adakah cara pemergian melalui negara Thai dibenarkan oleh pihak Kerajaan; dan
- (c) jika tidak apakah tindakan yang perlu diambil bagi mencegah pemergian secara ini terus berlaku.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa ada pihak-pihak swasta yang mengaturkan pemergian bakal-bakal haji negara ini menunaikan Fardu Haji bukan sahaja melalui negara Thai tetapi juga melalui Singapura serta Kaherah.

Perbuatan mereka itu adalah melanggar syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan di mana semua bakal haji hendaklah pergi ke Tanah Suci hanya melalui Tabung Haji.

Mengenai perkara itu, Kerajaan telahpun meminta negara Arab Saudi supaya Kedutaan-kedutaannya di negara-negara berkenaan tidak mengeluarkan Visa Haji kepada rakyat Malaysia di sana.

Walaupun bagaimanapun, Visa Haji bolehlah dikeluarkan kepada rakyat Malaysia yang bermastautin di negara-negara itu seperti penuntut-penuntut atau kakitangan Kedutaan Malaysia di tempat-tempat yang tersebut.

#### PENIAGA KECIL BUMIPUTERA/ KETURUNAN INDIA – PENYERTAAN

**23. Tuan D. P. Vijandran** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah perkembangan-perkembangan yang dicapai hasil dari usaha Kerajaan memberi latihan dalam pengendalian perniagaan kecil; dan
- (b) sama ada Kerajaan memberi peluang kepada rakyat Malaysia keturunan India dalam program latihan ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, latihan dalam mengendalikan perniagaan kecil adalah satu usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan sejak beberapa tahun yang lalu, terutamanya setelah bermulanya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sebagai langkah ke arah pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera iaitu menerusi penyertaan yang giat dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Berbagai-bagai agensi Kerajaan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, Majlis Amanah Rakyat, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia, Institut Teknologi MARA, Pernas Edar dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menganjurkan latihan-latihan tertentu dalam bidang perniagaan kecil. Bilangan peserta-peserta yang telah menerima manfaat daripada latihan yang dianjurkan oleh berbagai-bagai agensi yang telah saya sebutkan tadi adalah berjumlah 143,043 orang.

Perkembangan-perkembangan yang tercapai daripada program-program ini bolehlah dirumuskan seperti berikut:—

- (i) menambah bilangan usahawan-usahawan yang menceburi bidang perniagaan kecil terutamanya kaum Bumiputera. Misalnya bilangan perniagaan kecil Bumiputera yang berdaftar dengan Pendaftaran Perniagaan telah bertambah daripada 78,900 kepada 113,200 dalam tahun 1983;
- (ii) kemajuan dari segi sistem pengurusan yang lebih berkesan dan penggunaan teknologi baru dalam perniagaan mereka;

- (iii) meningkatkan pendapatan peniaga-peniaga misalnya pekedai-pekedai runcit di bawah program Pernas Edar yang mendapat pendapatan bersih sekurang-kurangnya \$1,200 sebulan;
- (iv) meningkatkan nilai tambahan (value added) bagi bahan-bahan mentah tempatan; dan
- (v) menambahkan peluang-peluang pekerjaan untuk mengurangkan kadar pengangguran.

Sebenarnya latihan dalam bidang perniagaan juga terbuka kepada rakyat keturunan lain. Misalnya dalam tahun 1983, seramai 7,700 orang bukan Bumiputera telah mengikuti latihan keusahawanan. Perangkaan yang terkhusus bagi rakyat keturunan India tidak terkumpul. Bagaimanapun, sejajar dengan strategi penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan tidak seimbang di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi negara ini, terutamanya dalam bidang perdagangan dan perindustrian wajarlah tumpuan latihan itu diberi kepada kaum Bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan perniagaan yang berdaftar dengan Pendaftar pada tahun 1983 menunjukkan perniagaan Bumiputera berjumlah 113,171 iaitu kira-kira 28.6% berbanding 281,854 bagi Bumiputera iaitu kira-kira 71.4%. Adalah diharapkan melalui program latihan tertentu, penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian akan dapat dipertingkatkan.

## PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH LIMA

**24. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian masih ingin meneruskan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima pada tahun 1987 memandangkan format peperiksaan sekarang ini tidak

sesuai dengan kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), jika tidak nyatakan peperiksaan-peperiksaan alternative yang akan diadakan bagi murid-murid KBSR pada tahun 1987.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pelajaran sedang menjalankan penelitian semula mengenai corak atau format penilaian bagi sekolah rendah khususnya Ujian Penilaian Darjah 5, sesuai dengan pelaksanaan KBSR.

Apabila penelitian ini disempurnakan keputusan akan diambil mengenai format penilaian yang tersebut yang akan dijalankan untuk murid-murid yang mengikuti kurikulum sekolah rendah pada tahun 1987.

### CUTI SEKOLAH BULAN DISEMBER

**25. Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa setiap tahun apabila sekolah-sekolah dibuka semula selepas cuti bulan Disember, tidak ada pelajaran diajar di kebanyakan sekolah-sekolah bagi tempoh 2 hingga 3 minggu pertama; jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini dan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk memansuhkan sistem kenaikan darjah secara terus terutamanya di sekolah-sekolah rendah.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telahpun mengedarkan pekeliling supaya jadual waktu sekolah disediakan sebelum sekolah-sekolah dibuka dijalankan mulai minggu pertama persekolahan.

Pada amalannya jadual waktu telah disediakan oleh pihak pentadbir sekolah dalam masa cuti penggal ketiga dan diedarkan kepada guru-guru tidak lewat daripada seminggu sebelum sekolah dibuka. Ini membolehkan guru-

guru membuat persediaan-persediaan mengajar sebelum sekolah dibuka pada hari pertama persekolah.

Dengan itu adalah tidak benar dakwaan bahawa kebanyakan sekolah tidak berjalan dalam tempoh dua atau tiga minggu setelah dibuka.

Sistem kenaikan darjah secara otomatis adalah menjadi dasar Akta Pelajaran 1961, dan diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah diterima pada tahun 1979. Oleh itu, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk memansuhkannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan ke 26.

### BIJIH TIMAH, BATU DAN PASIR - PENYELUDUPAN

**26. Tuan Fadzil bin Mahmood** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha damai yang diambil sejajar dengan semangat ASEAN di antara Kerajaan Malaysia dan Singapura untuk memastikan penyeludupan bijih timah, batu dan pasir tidak berlaku sewenang-wenangnya dari Negara Malaysia ke Negara Singapura.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazalie bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan penyeludupan bijih timah, batu dan pasir tidak berlaku dengan sewenang-wenangnya dari negara Malaysia ke negara Singapura, kita telah pun meminta jasa baik dan kerjasama Kerajaan Singapura untuk mengatasi masalah ini. Ekoran daripada ini Kerajaan Singapura telah memberi kepastian kepada kita bahawa Kerajaan Singapura tidak akan mengeluarkan lesen lagi bagi maksud penubuhan perusahaan melebur timah yang baharu di negara itu sebagai

menyahut permintaan Malaysia dan negara jiran yang lain. Dengan ini diharapkan kegiatan penyeludupan bijih timah ke negara itu akan berkurangan.

Pada akhir sesi khas pertama Menteri-menteri Pertubuhan Negara pengeluar bijih timah yang telah diadakan pada bulan Januari tahun 1984 yang lepas, satu kenyataan bersama telah dikeluarkan menggesa supaya Kerajaan Singapura memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam langkah menyekat kegiatan penyeludupan bijih timah ke negara Singapura.

Dalam soal penyeludupan batu dan pasir pula, keadaan ini adalah terkawal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Toh Muda Dr. Abdullah.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan ke 27.

#### TANAH RIZAB MELAYU

**27. Tuan Haji Shaharom bin Maasom** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan setakat ini berapa banyakkah tanah-tanah rizab Melayu telah diambil oleh Kerajaan untuk projek-projek Kerajaan dan berapa banyak pula yang telah diganti balik dan berapa lamakah masa yang ditetapkan untuk mengganti balik kesemua tanah yang telah diambil dan apa pula jenis dan status tanah-tanah yang bakal diberi sebagai ganti.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, mengikut perangkaan yang ada sehingga 1hb. Jun 1983 didapati seluas 136,354.61 ekar ataupun 55,182.66 hektar tanah rizab Melayu telah diambil oleh Kerajaan untuk kegunaan awam. Setakat ini didapati 10,675.42 ekar ataupun 4,320.34 hektar telah digantikan balik. Penggantian balik adalah dibuat mengikut kehendak-kehendak dalam

Perkara 89 (2), (3), (4), (5) dan (7). Tidak ada tempoh yang telah ditetapkan dan buat masa ini kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk menggantikan balik tanah rizab Melayu yang telah dijadikan projek-projek awam.

Pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah sedang mengkaji dengan teliti mengenai aspek-aspek penting terhadap tanah-tanah rizab Melayu.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya ingin bertanya di atas pengambilan tanah-tanah rizab Melayu. Tadi Yang Berhormat mengatakan telah digantikan balik. Di sini saya ingin bertanya adakah digantikan balik itu dengan luas yang sama ataupun dengan harga pasaran yang ada pada masa itu. Saya ingin bertanya.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini dia digantikan dengan mengikut seberapa yang boleh untuk menentukan supaya jenis tanah yang digantikan adalah dengan jenis yang sama juga menentukan supaya kehilangan tanah yang telah diambil alih oleh Kerajaan juga diganti balik dengan tanah yang boleh digunakan untuk faedah mengikut kehendak tanah rizab Melayu itu sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 28 hingga 36 adalah diberi di bawah ini.)

#### HARTA KERAJAAN LUAR NEGERI

**28. Tuan Jaafar bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan kita ada mempunyai harta seperti tanah dan bangunan dan juga syarikat-syarikat di luar negeri; jika ada nyatakan nilainya dan lokasi harta itu.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kerajaan kita memang ada memiliki harta di luar negeri. Harta-harta Kerajaan di luar negeri berupa bangunan-bangunan Pejabat Kedutaan, Kediaman Ketua Perwakilan dan Rumah Kakitangan Kedutaan. Di samping itu Kerajaan juga memiliki tanah tapak untuk membina bangunan yang diperlukan oleh perwakilan kita seperti yang saya sebut tadi.

Setakat ini dari jumlah 56 perwakilan kita di negara-negara asing, 27 daripadanya mempunyai bangunan sendiri iaitu 22 buah bangunan Pejabat Kedutaan, 26 Kediaman Rasmi Ketua Perwakilan dan 14 buah rumah dan apartment kakitangan Kedutaan. Ini termasuk dua buah Rumah Tetamu (VIP House) di London. Kerajaan juga memiliki 6 tapak tanah untuk membina bangunan perwakilan seperti pejabat, Kediaman Rasmi dan Kediaman kakitangan di Wellington, Riyadh, Jakarta, Medan dan Islamabad.

Dari segi nilai, kita belum lagi mengambil tindakan untuk menilai dengan tepat akan nilai semasa harta-harta Kerajaan yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, ahli Yang Berhormat sedia maklum harta-harta ini, ada diantaranya telah kita miliki lebih awal sejak merdeka, terletak di Ibu negara-negara asing, di kawasan yang baik dan eksklusif yang mana nilai hartanah adalah tinggi. Dengan yang demikian, sudah tentu nilai harta-harta Kerajaan di tempat-tempat seumpama ini turut naik dari masa ke semasa, dan nilainya sekarang adalah jauh lebih tinggi dari nilai asal ketika dibeli atau dibina dahulu.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan kepada harga belian dan kos pembinaan dan ubahsuai, nilai semua bangunan pejabat Kedutaan yang dimiliki Kerajaan adalah dianggarkan tidak kurang dari \$147.65 juta, kediaman Rasmi \$40.32 juta, Kediaman kakitangan \$7 juta dan tanah \$8 juta di

mana nilai keseluruhan ialah \$202.97 juta. Pada masa sekarang nilai pasaran harta-harta Kerajaan di Luar negeri telah berlipat ganda tingginya dari nilai awal.

Berkenaan Syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan di luar negeri, Kerajaan tidak mempunyai syarikat-syarikat secara langsung. Walau bagaimanapun, secara tidak langsung Kerajaan ada mempunyai 7 anak syarikat (subsidiaries) di luar negeri yang termasuk di pelbagai tempat dan jumlah harta anak-anak syarikat itu adalah di dalam lingkungan M\$27.4 juta.

### PAPAN TANDA JALAN LAPANGAN TERBANG ANTARA- BANGSA SUBANG

**29. Dato' Chin Kim Yong** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa papan tanda menunjukkan jalan ke Lapangan Terbang Subang tidak terletak di tempat yang menasabah dan bukan sahaja pelancung-pelancung dari luar negeri tetapi juga rakyat tempatan mengalami kesusahan apabila hendak pergi ke lapangan Terbang Subang; jika sedar sama ada beliau akan meletakkan papan tanda di tempat-tempat yang menasabah.

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya sedar bahawa papan tanda yang menunjukkan jalan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tidak terletak di tempat yang menasabah. Keadaan ini berlaku oleh kerana jalanraya yang menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang itu terlibat dengan pembaikan Jalan Persekutuan dan jalan keluar masuk ke kawasan perumahan Subang Jaya. Dengan yang demikian, apabila kerja-kerja pembaikan dan kenaikan taraf jalan tersebut telah siap dalam sedikit masa lagi, maka papan tanda yang sementara itu tidak akan dipakai lagi, dan sebagai gantinya satu papan tanda yang tetap melintang jalan di atas atau

Overhead Centry akan dipasang di tempat yang sesuai.

### GURU TERLATIH MELETAKKAN JAWATAN

**30. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan guru-guru terlatih yang telah meletakkan jawatannya sebelum tamat tempoh perkhidmatan mereka sehingga sekarang mengikut kaum.

**Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Yang Berhormat jumlah bilangan guru-guru terlatih yang telah meletakkan jawatan sebelum tamat tempoh perkhidmatan (bersara wajib umur 55 tahun) mulai tahun 1982 sehingga Mac 1984 mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Bil	Bangsa	Tahun			Jumlah
		1982	1983	1984 (Jan-Mac)	
1.	Melayu	192	141	57	390
2.	China	58	97	117	272
3.	India	30	2	7	39
4.	Lain-lain bangsa	9	7	9	25
Jumlah		289	247	190	726

### ASIA TENGGARA BEBAS DARI ANCAMAN NUKLEAR

**31. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha diplomatik yang dibuat oleh Kerajaan bagi mempengaruhi kuasa-kuasa besar supaya menjadikan rantau ini bebas dari ancaman nuklear.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Adalah menjadi hasrat Malaysia dan hasrat negara-negara ASEAN lainnya supaya rantau Asia Tenggara bebas dari ancaman senjata nuklear. Kita percaya jika Asia Tenggara dijadikan kawasan bebas senjata

nuklear (Nuclear Weapons Free Zone-NWFZ), rantau ini akan terelak dari persaingan kuasa-kuasa besar terutama persaingan yang bersifat ancaman nuklear. Tanpa persaingan ini adalah diharapkan akan terujud satu suasana dan keadaan yang sesuai (conducive) yang boleh mendorong tercapainya matlamat ASEAN untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN). Oleh itu, sebagai usaha kearah pencapaian matlamat ZOPFAN, pegawai-pegawai kanan ASEAN kini sedang mengkaji dengan aktif cara mana Asia Tenggara boleh di jadikan kawasan bebas senjata nuklear. Asia Tenggara sebagai kawasan bebas senjata nuklear merupakan komponen penting kepada konsep ZOPFAN.

### DADAH DI PENJARA PUDU - PENYALAHGUNAAN

**32. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kes penyalahgunaan dadah pun didapati di dalam Penjara Pudu dan juga penjara-penjara yang lain, jika sedar, apakah tindakan akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Izinkan saya merangkum jawapan saya bagi soalan-soalan dari Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah, Yang Berhormat Tuan Kuma-

ran pada 10 April, 1984 dan Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood pada 18 April, 1984, oleh kerana ketiga-tiga soalan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain serta mengenai perkara yang sama.

Kerajaan sedar bahawa terdapat kes-kes penyalahgunaan dadah di beberapa Penjara tertentu di negara ini dan Kerajaan memandang berat serta memberi perhatian yang serius terhadap kegiatan menyeludup dadah dan penyalahgunaan dadah dalam penjara.

Dalam usaha Kerajaan untuk membasmi dan menghapuskan kegiatan penyeludupan dan penyalahgunaan dadah dalam Penjara, tindakan tegas diambil ke atas mereka yang terlibat tanpa mengira sama ada seseorang itu kakitangan Kerajaan, rakyat biasa ataupun banduan.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk membasmi kegiatan-kegiatan ini adalah seperti berikut:-

- 1 Memberi ceramah kepada kakitangan dan banduan mengenai ancaman dan bahaya penyalahgunaan dadah.
- 2 Meletakkan poster-poster di tempat-tempat dan kawasan tertentu dalam penjara untuk memperingatkan kakitangan, banduan dan pelawat-pelawat tentang kesalahan menyeludup dadah di dalam Penjara.
- 3 Mengadakan pemeriksaan yang ketat dan rapi di pintu pagar keluar/masuk Penjara, ke atas semua kakitangan Penjara, pelawat-pelawat, banduan-banduan serta barang-barang yang dibawa oleh mereka. Tugas kawalan dan pemeriksaan ini diketuai oleh seorang pegawai kanan dengan dibantu oleh lain-lain pegawai.
- 4 Mengadakan pemeriksaan harian dan mengejut dari semasa ke semasa ke atas semua kakitangan

penjara, banduan-banduan termasuk bilik-bilik dan kawasan mereka bekerja dan juga pelawat-pelawat.

- 5 Mengadakan rondaan di sekeliling kawasan Penjara untuk mencegah bungkusan dadah dilontar dari luar penjara ke dalam kawasan Penjara.
- 6 Penggunaan anjing-anjing narkotik untuk mengesan tempat-tempat serta kawasan-kawasan dalam penjara yang mungkin tersembunyi dadah.
- 7 Menjalankan pemeriksaan ke atas contoh air kencing mereka yang disyaki menggunakan dadah.
- 8 Mewajibkan semua pegawai-pegawai yang baru di lantik menandatangani surat akuan yang menyatakan bahawa jika mereka ditangkap kerana menghisap atau mengedar dadah, tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka.
- 9 Mengadakan sekim galakan untuk banduan-banduan dan kakitangan Penjara yang memberi maklumat sehingga tertangkap dan dihukum oleh mahkamah, mereka yang didapati cuba menyeludup dadah ke dalam Penjara. Untuk banduan, galakan ini adalah dalam bentuk pengampunan khas dan hadiah wang tunai, manakala untuk kakitangan Penjara pula, galakan ini adalah dalam bentuk hadiah wang tunai dari Kumpulan Wang Hadiah Pegawai-pegawai Penjara serta Sijil Kepujian.
- 10 Banduan-banduan yang didapati menyalahgunaan dadah akan dikenakan hukuman sebat rotan setelah mendapat persetujuan dari Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Setakat ini dua orang Pegawai Penjara Tingkatan II telah disabitkan kesalahan mereka oleh Mahkamah kerana memiliki/cuba menyeludup

dadah ke dalam Penjara dan mereka telah pun dibuang kerja. Seorang pegawai pula sedang ditahan kerja di bawah Perintah Am Bab 'D'.

Mengenai pelawat-pelawat pula, dua kes cuba menyeludup dadah telah dapat dikesan setakat ini di Penjara Pudu. Kes-kes ini diserahkan ke pihak Polis untuk tindakan selanjutnya.

### PENJARA PUDU

**33. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan semua rancangan yang telah dicadangkan untuk tapak Penjara Pudu selepas Penjara itu dipindahkan.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Pada dasarnya Kerajaan telah membuat keputusan supaya tanah kawasan Penjara Pudu (seluas 22 ekar) di Seksyen 56, Jalan Shaw, Kuala Lumpur diberi milik kepada UDA untuk dibangunkan semula, sebaik sahaja Penjara Pudu ditempatkan semula di Sungai Jelok, Kajang.

Kawasan Penjara Pudu ini sedang dalam proses perancangan oleh UDA. UDA bercadang untuk membangunkan kawasan ini secara 'mixed development' yang komprehensif dan 'intergrated'.

### JALAN SEHALA DI KUALA LUMPUR

**34. Tuan Mohd. Yusof bin Kassim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau akan menjadikan semua jalanraya di Kuala Lumpur sebagai jalan sehalah sahaja dan memberi jaminan bahawa jalanraya tersebut digunakan untuk kenderaan sahaja tanpa diganggu gugat oleh penjaja-penjaja.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Sebagai satu cara pengurusan lalulintas bertujuan untuk memperbaiki pengaliran lalulintas, menambahkan keupayaan jalan dan mengurangkan kelambatan, sistem jalan sehalah adalah

satu cara berkesan untuk memperbaiki kesesakan lalulintas. Cara ini boleh diambil dengan serta merta tanpa menunggu masa yang lama. Dewan Bandaraya sedang berusaha menjalankan kajian dari masa ke semasa untuk mengenal pasti jalan-jalan yang sesuai dijadikan jalan sehalah di dalam kawasan yang sentiasa menghadapi masalah kesesakan.

Jalan-jalan yang terlibat dengan sistem jalan sehalah ini dipastikan tidak diganggu oleh penjaja dengan cara:-

- (i) Kawalan/Penguatkuasaan
- (ii) Dipasang tanda-tanda 'Dilarang Menjaja' di tempat-tempat yang sesuai
- (iii) Mengwartakan jalan-jalan yang terlibat dengan sistem tersebut jika didapati belum diwartakan sebagai jalan utama mengikut undang-undang Kecil Penjaja 1979.

Jalan-jalan dalam sistem laluan-sehalah yang sedia ada penjaja tindakan-tindakan berikut sedang dan akan diambil:-

- (i) Kawalan dan tindakan penguatkuasaan
- (ii) Pemindahan ke tempat-tempat sesuai dirancangkan

### PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI-PENJAGAAN

**35. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) pihak Kementerian manakah yang sepatutnya menjaga kebajikan penuntut Malaysia di luar negeri; dan
- (b) apakah sebab-sebabnya ada diantara pelajar-pelajar kita di luar negeri yang sanggup memburuk-burukkan Kerajaan

**Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud:**

(a) Kementerian Pelajaran adalah bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan penuntut-penuntut Malaysia

di luar negeri melalui sebanyak 7 buah Jabatan Penuntut Malaysia dan 5 buah cawangan iaitu 2 di Amerika Syarikat dan 3 di Australia. Di negara-negara yang tidak mempunyai Jabatan Penuntut Malaysia, Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke negara tersebut adalah bertanggungjawab menjaga kebajikan penuntut-penuntut tersebut. Kementerian Pelajaran juga telah mengujudkan satu Jawatankuasa Penyelaras Hadiah Latihan yang bertujuan untuk menyelaraskan dasar-dasar penghantaran dan kebajikan pelajar-pelajar di luar negeri. Penganjur-penganjur adalah menjadi ahli di dalam Jawatankuasa ini.

(b) Pada pendapat Kerajaan setiap individu pelajar adalah bebas memberi kritikan membina dan kritikan-kritikan yang boleh memberi munafaat dan di mana difikirkan munasabah akan digunakan sebagai pandangan yang boleh dijadikan panduan. Kerajaan tidak berhasrat untuk menyekat kegiatan-kegiatan sihat pelajar-pelajar.

### HUBUNGAN DUAHALA CHINA-MALAYSIA – PERBINCANGAN

**36. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tajuk-tajuk perbincangan dan keputusan yang dicapai semasa lawatan Menteri Luar Negara China ke Malaysia baru-baru ini; dan juga nyatakan usaha-usaha yang dibuat untuk mendesak Kerajaan China membatalkan hubungan dan sokongan Parti Komunis China ke Parti Komunis Malaya atas dasar hubungan duahala Parti ke Parti dan samada Malaysia masih ingin melayan pemimpin-pemimpin China yang memegang jawatan dalam parti melawat ke Negara ini jika hubungan Parti tidak dihentikan dengan segera.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tajuk-tajuk yang diperbincangkan dengan Menteri Luar China adalah meliputi soal-soal hubungan duahala, serantau dan juga antarabangsa.

Dalam soal hubungan duahala, perkara utama yang kita bangkitkan ialah berkenaan hubungan Parti Komunis China dengan Parti Komunis Malaya. Kita telah menyeru pihak China supaya memutuskan hubungan PKC dengan PKM dan menegaskan bahawa selagi China tidak mengubah sikapnya terhadap PKM kita hanya akan meneruskan hubungan di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan sahaja. Walau bagaimanapun, Encik Wu menjelaskan bahawa mereka tidak bersetuju untuk memutuskan hubungan dengan PKM tetapi sebaliknya berjanji untuk menyelesaikan masalah ini perlahan-lahan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di atas desakan Kerajaan kita, pihak China telah menghentikan siaran Radio Suara Revolusi Malaya dan tidak lagi memuatkan lapuran-lapuran tentang aktiviti-aktiviti PKM di dalam akhbar tempatan di China.

Soal kedua yang kita bangkitkan ialah berkenaan lawatan ke China tanpa kebenaran. Encik Wu menegaskan perkara ini berlaku di luar pengetahuan pihak kerajaan pusat di Beijing dan berjanji dimasa-masa depan visa tidak akan diberikan kepada rakyat Malaysia yang ingin melawat ke China tanpa mendapat kebenaran Kerajaan Malaysia terlebih dahulu. Encik Wu juga telah mencadangkan supaya pihak kita dengan pihak China berbincang untuk mengatasi masalah ini. Perkara ini adalah sedang di dalam tindakan Wisma Putra.

Pemimpin-pemimpin kita juga telah memberi penjelasan kepada Encik Wu mengenai Dasar Ekonomi Baru. Pemimpin kita telah menyatakan rasa tidak puas hati terhadap layanan yang diberikan kepada organisasi seperti PERNAS dalam konteks hubungan dagangan di antara Malaysia-China. Sukacita dimaklumkan bahawa Encik Wu telah memberi jaminan bahawa beliau akan berbincang dengan pihak-pihak tertentu di Beijing dengan tujuan membenarkan PERNAS memainkan

peranan yang lebih aktif dalam hubungan dagangan duahala di antara kedua-dua buah negara. Kata akhirnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beliau akan menyimpan hujah-hujah kita dalam hati sanubarinya.

Mengenai isu serantau dan antarabangsa pula perkara utama yang dibincangkan ialah mengenai soal Kampuchea. China telah menegaskan bahawa mereka mahukan Kerajaan Kampuchea yang netral (neutral), berkecuali dan bukan sosialis yang diketuai oleh Putra Sihanouk. Ini adalah juga tujuan Kerajaan kita dan juga anggota-anggota ASEAN.

Berkenaan situasi di Asia Barat, China mempunyai pandangan yang sama dengan kita. Di atas permintaan Pengerusi PLO, Encik Arafat, saya telah berbincang dengan Encik Wu mengenai '3 point programme of action' yang dicadangkan oleh Encik Arafat. Encik Wu menyokong cadangan tersebut. Semenjak itu, Presiden RRC semasa lawatan beliau ke Asia Barat telah menemui Encik Arafat dan mengulangi sokongan RRC kepada Encik Arafat.

Encik Wu juga telah memberi penerangan yang mendalam kepada kita mengenai kedudukan China terhadap masa depan Hong Kong, Taiwan dan Semenanjung Korea.

Mengenai soalan lawatan oleh pemimpin-pemimpin Parti Komunis China ke Malaysia, masalah ini tidak timbul kerana mereka melawat ke sini bukan sebagai pemimpin Parti tetapi sebagai anggota Kerajaan negara tersebut.

## USUL-USUL

### JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

3.47 ptg.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya

mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut.

## JAWATANKUASA PEMILIH – LANTIKAN AHLI-AHLI

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Ahli-ahli yang berikut

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah;

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Yahya;

Yang Berhormat Datuk Loh Fook Yen; dan

Yang Berhormat Datuk G. Pasamanickam

hendaklah jadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Yang Keenam.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Ahli-ahli yang berikut

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah;

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Yahya;

Yang Berhormat Datuk Loh Fook Yen; dan

Yang Berhormat Datuk G. Pasamanickam

hendaklah jadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Yang Keenam.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 2)

**Bacaan Kali Yang Kedua**

3.50 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bagi membuat pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 di Dewan yang mulia ini membawa kita setapak lagi ke arah mencapai hasrat kita bagi integrasi nasional Integrasi nasional membayangkan hubungan silaturahim yang rapat di antara rakyat Malaysia dari berbagai keturunan. Ianya juga membayangkan hubungan yang rapat antara wilayah, misalnya antara wilayah Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Langkah menjadikan Pulau Labuan Wilayah Persekutuan yang telah dipersetujui bersama oleh Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah, merupakan usaha yang konkrit ke arah mencapai matlamat ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita sudahpun bersama di bawah satu pemerintahan Persekutuan dalam satu negara sejak 20 tahun yang lalu. Maka sudah seharusnya wujud di antara kita perpaduan dan perasaan kekeluargaan yang akan terus segar berkembang, menjadi asas bagi memperkuat dan memperkukuhkan lagi kedudukan negara yang kita cintai ini. Walau bagaimanapun, Kuala Lumpur sebagai pusat pemerintah Kerajaan Persekutuan agak jauh dari segi geografi dari Sabah dan Sarawak kerana dipisahkan oleh Laut China Selatan. Pemisahan oleh kerana jarak jauh ini sekiranya tidak ada usaha mencapai integrasi yang kukuh, akan

terus melanjutkan unsur kewilayahan atau perasaan terasing di antara rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak dengan mereka yang di Semenanjung.

Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memberi pandangan yang serius kepada usaha-usaha integrasi. Berbagai langkah telahpun diambil dan dirancang. Kerajaan Pusat telahpun memulakan usahanya dengan keputusan menyamakan waktu bagi seluruh Malaysia misalnya. Kita telah memudahkan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak untuk mengunjungi Semenanjung tanpa pasport iaitu dengan membawa kad pengenalan mereka sahaja. Mulai 16hb April ini, dengan persetujuan Kerajaan Negeri Sabah, rakyat Malaysia yang bermastautin di Semenanjung akan dapat ke Sabah tanpa memerlukan pasport. Mereka hanya dikehendaki membawa kad pengenalan dan mengisi satu borang khas yang disediakan oleh Jabatan Imigresen.

Kita juga telah membuat keputusan untuk memulakan perkhidmatan kapal feri antara Kuantan dengan Kuching dan Kota Kinabalu bagi mewujudkan perjalanan yang lebih murah dari perkhidmatan Udara. Berikutan dengan projek kapal feri ini, kita bercadang mengadakan rancangan lawatan penuntut-penuntut sekolah dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya di musim kelepasan sekolah. Selain dari itu kita juga sedang mengkaji kemungkinan menghidupkan semula program lawatan pemimpin-pemimpin masyarakat sehinggakan buku panduan telefon yang menyeluruh bagi seluruh Malay-siapun meliputi Sabah dan Sarawak juga sedang dirancang.

Selaras dengan Konsep Kepimpinan Melalui Teladan, pucuk pimpinan Kerajaan Pusat telah mengambil tindakan mendekatkan diri mereka kepada pucuk dan barisan pemimpin di

Sabah dan Sarawak. Ini bertujuan mewujudkan hubungan silaturahim yang kuat dan kukuh antara pemimpin-pemimpin berkenaan. Ianya juga bertujuan supaya para pemimpin pusat memahami dengan lebih dekat lagi aspirasi pemimpin dan rakyat negeri-negeri berkenaan dan mengetahui dengan lebih jelas lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat negeri-negeri itu.

Pada hari minggu ini (Ahad), pemimpin-pemimpin Barisan Nasional iaitu pemimpin-pemimpin Kerajaan akan bertemu di Labuan. Jawatankuasa Integrasi Negeri-negeri Malaysia pula akan mengadakan mesyuarat akan datangnya di Kuching pada 4hb Mei hadapan. Begitulah juga beberapa Jawatankuasa di peringkat nasional yang diadakan di Sabah dan Sarawak semata-mata untuk melaksanakan proses integrasi yang saya sebutkan tadi. Demikianlah antara langkah-langkah bersama kita ke arah integrasi nasional yang lebih kukuh. Hasil dari usaha-usaha ini agak menggalakkan juga.

Pemimpin-pemimpin dari Sabah dan Sarawak kini lebih positif dalam sikap mereka untuk memberi pendapat dan idea-idea bagi integrasi. Semakin ramai rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak, apabila ke seberang laut dan ditanya dari mana mereka datang, telah tidak lagi menjawab, "saya dari Sabah atau dari Sarawak" dengan tidak menyebut Malaysia. Tetapi dengan megahnya menyatakan bahawa mereka ialah dari Malaysia ataupun sekurang-kurangnya mereka menyatakan dari Sabah, Malaysia ataupun Sarawak, Malaysia. Ini menunjukkan betapa perasaan bangga menjadi rakyat Malaysia semakin meresapi ke dalam hati dan sanubari mereka.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk menjadikan Pulau Labuan sebuah Wilayah Persekutuan merupakan langkah yang akan membawa segala kemudahan Kerajaan Persekutuan

lebih lagi kepada rakyat Malaysia bukan sahaja di Sabah, bahkan juga yang bermastautin di Sarawak. Saya penuh yakin bahawa pembangunan Pulau Labuan yang akan diusahakan oleh Kerajaan persekutuan itu akan menjadi daya penggerak bagi pembangunan di sekitarnya, baik di Sabah mahupun di Sarawak. Ini akan membawa kedua-dua buah negeri ini ke dalam aliran pemelesaian pembangunan negara keseluruhannya. Lebih daripada itu, usaha-usaha ini pada akhirnya adalah untuk mendatangkan faedah yang boleh dinikmati oleh rakyat Malaysia terutama sekali yang tinggal di rantau tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut merakamkan tahniah dan penghargaan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah yang telah meletakkan kepentingan integrasi negara melebihi dari kepentingan kenegerian.

Saya ingin menyangkal sangkaan pihak-pihak tertentu kononnya Pulau Labuan ini diserahkan kepada Semenanjung. Sangkaan ini adalah salah dan mengelirukan. Pulau Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan bagi kepentingan nasional. Kerajaan Persekutuan adalah dipilih oleh rakyat sendiri baik di Semenanjung, di Sabah, mahupun di Sarawak. Oleh kerana itu dakwaan kononnya Pulau Labuan diserahkan kepada Semenanjung tidak harus timbul sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa peruntukan telahpun dibekalkan dalam Bahagian Pertama dan Kedua Rang Undang-undang ini bagi melaksanakan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan. Peruntukan telah dibekalkan bagi menjamin agar hak keistimewaan penduduk asal Pulau Labuan akan terus terpelihara apabila Labuan menjadi Wilayah Persekutuan.

Begitu juga tentang kehidupan harian mereka, peruntukan telah dibekalkan dalam undang-undang ini bagi

mengelakkan timbulnya sebarang keraguan atau kesulitan kepada mereka dan pentadbiran Pulau Labuan berikutan dengan pemindahan kuasa dan bidangkuasa ke atas Pulau tersebut dari Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan.

Jawatankuasa pegawai yang dibentuk oleh Kerajaan bagi mengendalikan hal ini sedang menjalankan tugasnya berpandukan prinsip-prinsip yang saya sebutkan tadi. Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, segala usaha telah dan sedang diambil bagi menentukan agar pemindahan kedudukan Pulau Labuan untuk dijadikan Wilayah Persekutuan berjalan dengan lancarnya. Selain daripada itu sukacita juga saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan telah juga diadakan dalam undang-undang ini bagi lantikan seorang Ahli Dewan Negeri dari Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III dalam Rang Undang-undang ini adalah berkisaran atau berkaitan dengan beberapa cadangan pindaan kepada peruntukan-peruntukan tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan yang tidak berkaitan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan cadangan pindaan tersebut, khususnya Fasal 22 dan Fasal 25 Rang Undang-undang ini yang berkaitan dengan pindaan kepada Perkara 55 dan Perkara 113 Perlembagaan. Cadangan pindaan kepada Perkara 55 adalah bagi mengadakan Fasal 5, 6 dan 7 yang baru di bawah perkara tersebut bagi menentukan supaya Rang Undang-undang yang belum selesai dibahas dalam Parlimen tidak luput pada waktu penggal Parlimen diberhentikan atau prorogued dan supaya Rang Undang-undang yang menunggu pertimbangan semula oleh Parlimen menurut Fasal 4(a), Perkara 66 atau yang menunggu persetujuan Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal 4(a) atau 4(A) Perkara 66 tidak terluput disebabkan Parlimen diberhentikan atau dibubarkan.

Pindaan kepada Perkara 113 pula adalah bertujuan antara lain:

- (a) untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya memulakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya pada bila-bila masa selepas genap 8 tahun daripada tarikh terakhirnya urusan persempadanan semula yang lepas. Urusan persempadanan itu hendaklah diselesaikan dalam tempoh dua tahun daripada tarikh ianya bermula.
- (b) bagi membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan persempadanan semula sementara atau, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, interim review of constituencies apabila jumlah keanggotaan Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan Negeri diubah. Persempadanan semula ini akan hanya meliputi kawasan yang terlibat dengan perubahan dan tidak akan mengubah tempoh minima lapan tahun yang ditetapkan di antara dua persempadanan semula yang berkenaan. Urusan persempadanan semula sementara ini hendaklah diselesaikan dalam tempoh dua tahun daripada tarikh berkuatkuasanya undang-undang yang mengubah keanggotaan Dewan Rakyat dan juga Dewan-dewan Negeri. Persempadanan semula sementara ini akan dijalankan mengikut Jadual ke 13 Pelembagaan Persekutuan.
- (c) Pindaan ini juga memperuntukkan tarikh-tarikh permulaan dan tarikh-tarikh berakhirnya sesuatu urusan persempadanan semula itu bagi memastikan supaya tempoh-tempoh yang disyaratkan akan dapat dikira dengan tepat, dan
- (d) di samping itu pindaan ini juga adalah bertujuan untuk memberi peruntukan sementara yang mem-

bolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menyelaraskan secara sah urusan persempadanan semula yang sedang berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal lain dalam Bahagian 3 ini tidak perlu saya terangkan kerana penjelasannya telah pun sedia terkandung dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk penubuhan sempadanan Negeri Sabah dan bagi membuat pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

4.06 ptg.

**Tuan Haji Latif bin Haji Dris:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bangga diberikan peluang bercakap walaupun dengan sepatah dua kata sahaja bagi membahas yang berupa satu sejarah baru bagi yang berdekatan dengan Labuan menjadi Wilayah Persekutuan. Dengan ini juga saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah yang berpandangan jauh bagi meminda Perlembagaan Negeri itu yang mendapat sokongan rakyat untuk membolehkan Labuan Sebagai Wilayah Persekutuan bagi kebaikan negara dan rakyat seluruhnya.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua,

saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

4.10 ptg.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk memberikan sedikit pandangan dan sokongan kepada suatu Akta yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai penubuhan sebuah Wilayah Persekutuan yang mana Labuan telah dipilih. Dan saya adalah salah seorang Ahli dalam Dewan ini anak daripada Pulau Labuan dan yang telah dibesarkan dan dididikan Pulau tersebut.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengalu-alukan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Sabah dan juga sambutan baik daripada Kerajaan Persekutuan yang bersetuju memilih Labuan menjadi sebuah Wilayah Persekutuan di Malaysia Timur.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada sejarah Pulau Labuan ini adalah panjang, maka sehinggalah pada hari ini tahun 1984 ianya telah mencipta dan membuka satu lambaran sejarah yang baharu bagi pulau tersebut yang mana asalnya Pulau Labuan adalah dipunyai oleh Sultan Brunei dan pulau ini telah diserahkan kepada Kerajaan British iaitu kepada Queen Victoria melalui seorang Captain kapal iaitu Captain J.R. Mondy pada tanggal 24.12.1846 maka itulah bermulanya Pulau Labuan telah diserahkan oleh Sultan Brunei dan menjadi hak milik Kerajaan British. Maka dalam pada waktu itu juga Labuan telah menjadi satu pelabuhan dan satu bandar yang telah digunakan oleh kuasa Inggeris pada ketika itu sebagai satu pelabuhan untuk memperluaskan perdagangan mereka di antara Hongkong dan negara-negara yang lain yang mana waktu itu negeri Sabah masih di dalam sebuah pemerintahan Chartered Company iaitu sebuah syarikat Chartered Company yang ada kaitannya dengan East India Company yang me-

merintah negeri Sabah.

Maka pada waktu itu negeri Sabah bukanlah merupakan sebuah pemerintahan tetapi Pulau Labuan sudahpun menjadi Crown Colony of Britain. Maka dalam tahun-tahun itu juga beberapa buah Negeri-negeri Selat ditubuhkan iaitu Melaka, Pulau Pinang, Singapura dan Labuan adalah menjadi satu pemerintahan yang dinamakan Straits Settlement Government dan hingga kepada hari ini pegawai-pegawai yang telah berkhidmat dengan Kerajaan Straits Settlement masih menerima pencen mereka melalui Singapura dan juga dokumen-dokumen yang tertentu misalnya geran-geran tanah dalam zaman Straits Settlement masih tersimpan dan terdapat oleh pemilik-pemilik tanah tersebut, maka inilah sejarah-sejarah yang telah berlaku kepada Pulau Labuan, maka inilah satu-satunya pulau yang telah diberikan oleh Kerajaan Straits Settlement pada waktu itu sebagai satu tempat yang terdahulu mendapat pendidikan pelajaran, baik dalam pelajaran bahasa Inggeris dan sebagainya – inilah tempat yang pertama. Dan oleh kerana hubungan Labuan itu sebagai sebuah negeri-negeri dalam Negeri-negeri Selat, maka ramailah orang-orang Labuan yang terlatih di Tanjung Malim iaitu S.I.T.C. – Sultan Idris Training College.

Pada hari ini guru-guru besar yang telah bersara di Labuan kebanyakannya kelulusan daripada Sultan Idris Training College. Dan bila mana Kent College di Sabah mula dibuka, orang yang menjadi kakitangan mengendalikan kolej-kolej ini adalah kebanyakan daripada orang-orang Labuan yang dipilih kerana mereka ini telah difikirkan mempunyai pendidikan yang seimbang untuk menubuhkan sebuah Kent College di Tuaran, Sabah. Maka dengan itu bila kita lihat sejarah-sejarah Labuan ini berpindah daripada satu kuasa kepada satu kuasa sudah menjadi lumrah kepada untung nasib Pulau Labuan maka inilah pertukaran pentadbiran Pulau

Labuan kepada Wilayah Persekutuan yang paling kena pada tempatnya. Kerana penyerahan Pulau Labuan daripada Sultan Brunei adalah penyerahan kepada satu kuasa kepada satu kuasa penjajah. Maka bila mana Labuan telah menjadi Wilayah Persekutuan ianya sama sekali tidak akan dapat dikatakan Labuan ini diserahkan.

Saya sendiri telah terkeliru kerana akhbar-akhbar di Sabah mengatakan "penyerahan". Perkataan "penyerahan" ini selalu saya katakan tidak boleh diterima kerana dalam Rang Undang-undang ini bila saya terima tadi tidak ada satu patah perkataan yang mengatakan Pulau Labuan ini diserahkan kepada mana-mana jua pun, kerana Labuan adalah dalam Malaysia. Dan kepada kuasa mana yang Labuan ini diserahkan – kepada Malaysia, tidak ada. Ini hanya merupakan pertukaran pentadbiran dan menaikkan taraf kedudukan Pulau Labuan daripada sebuah daerah di negeri Sabah, mungkin Labuan adalah salah satu daerah yang keempat besarnya. Bila mana Labuan menjadi Wilayah Persekutuan ianya telah diiktiraf salah sebuah negeri di dalam Persekutuan walaupun ia bukanlah negeri yang mempunyai Dewan Perundangan Negeri, mempunyai Kabinet tetapi dalam ungguan Rang Undang-undang ini telah menjelaskan bahawa Labuan telah dijadikan salah satu daripada negeri, misalnya, Wilayah Persekutuan dan Labuan adalah di dalam Wilayah Persekutuan. Maka ini telah jelas menunjukkan dalam tahun 1984 ini taraf kedudukan pulau tersebut telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyebutkan tentang keadaan sejarah di Pulau Labuan dan pulau ini memanglah berkembang oleh zaman British lagi yang mana Kerajaan British telah menggunakan pulau ini kerana kedudukannya yang begitu strategik sekali daripada segi pertahanan. Dan demikian juga pelabuhan yang terdapat di Pulau Labuan adalah satu-satunya

pelabuhan dalam yang semula jadi, dan keindahan di sekitar pulau itu juga yang masih terjamin, yang masih mengekalkan keindahan alam semula jadi. Maka inilah yang menyebabkan pulau tersebut selalu berada dalam pandangan yang begitu indah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam zaman British iaitu di antara dalam tahun 40an Labuan adalah satu-satunya pulau yang hanya mempunyai lapanganterbang yang bertaraf antarabangsa. Saya fikir Kuala Lumpur sendiri belum lagi mempunyai lapanganterbang yang bertaraf antarabangsa kerana Labuanlah yang lebih awal di dalam pengangkutan serupa ini.

Saya masih ingat lagi, kerana rumah saya dekat dengan Lapanganterbang Labuan. Dan ia adalah salah satu daripada lapanganterbang yang tertua sekali yang dibuat oleh Jepun dalam tahun 40an yang menggunakan tenaga manusia sehingga British mengambil Pulau Labuan selepas Jepun telah menyerah kalah maka lapanganterbang itu diperbesarkan dan pengendalian jet-jet, saya fikir Kuala Lumpur belum lagi menggunakan pesawat jet tetapi Labuan lebih awal dalam dunia perkhidmatan jet. Ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh semak kepada Sistem Penerbangan Malaysia. Jadi, saya fikir dalam peranan yang dimainkan oleh Labuan adalah begitu meluas.

Dahulu kalau orang-orang Brunei yang mahu pergi ke Singapura, mereka menaiki kapal dahulu ke Labuan, dari sana baharu mereka dapat menaiki kapalterbang DC 3 untuk ke Singapura. Dan untuk pergi ke Hongkong dan Sydney, Australia mereka datang ke Labuan dan mereka boleh dapat kapalterbang yang mempunyai perjalanan terus ke Sydney melalui Qantas dan juga terus ke Hongkong – CPA waktu itu, British Airways, KLM iaitu kapalterbang yang dipunyai oleh syarikat Dutch juga Garuda Indonesia yang mempunyai perjalanan menuju ke

Hongkong dan Tokyo. Jadi, inilah kalau kita pandang walaupun kedudukannya luasnya Pulau Labuan yang begitu kecil tetapi ia mempunyai kemudahan-kemudahan yang asli – yang semula jadi.

Jadi demikian juga Pelabuhan Pulau Labuan. Pelabuhan Pulau Labuan ini telah memainkan peranan yang begitu penting sekali iaitu bilamana minyak mula ditemui di Serian, Brunei dan bilamana waktu itu pelabuhan-pelabuhan di antara Pelabuhan Kuala Belait, muara belum ada lagi; hanya Brunei. Pelabuhan Labuan adalah sesibuk-sibuk pelabuhan yang mempunyai kapal-kapal yang besar-besar yang berpuluh-puluh ribu tan dan dalam tahun empat puluhan pun sudah mula menggunakan pulau tersebut yang membawa barang-barang untuk dipindahkan ke negeri Brunei untuk menggunakan alat pengorek minyak seperti Shell Company yang memilih Labuan sebagai satu pengkalan (base) Shell untuk menyimpan barang-barang keperluan bagi pengorekan minyak yang dilakukan di Serian waktu itu.

Maka inilah jasa-jasa pulau tersebut yang telah memainkan peranan dalam perkembangan perindustrian minyak kepada negeri jiran kita pada waktu itu. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, Labuan telah memainkan peranan sebagai sebuah pelabuhan perkapalan, yang merupakan pelabuhan trans-shipment kepada daerah-daerah yang berdekatan seperti Limbang dan Lawas. Begitu juga digunakan bagi kapal Straits Settlement yang tidak dapat menghantar kargo-kargo kepada bahagian Limbang/Lawas bagi negeri Sarawak dan Labuan telah memainkan peranan ini.

Jadi inilah saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, bilamana memandangkan kemajuan perkembangan yang ada pada waktu itu, Labuan telah diisytiharkan oleh Kerajaan British (British Colony) pada waktu itu dalam tahun 1956 dijadikan sebuah pelabuhan

bebas. Dalam tahun 1956 Labuan terus dijadikan oleh Kerajaan British sebagai sebuah pelabuhan bebas kerana memandangkan kebolehnya sebagai sebuah pelabuhan trans-shipment yang boleh mengendalikan kargo-kargo yang dibawa ke pulau tersebut dan Kerajaan British juga mengharap waktu itu supaya Labuan dapat memainkan peranan yang penting bagi kawasan Sabah dan Sarawak yang boleh menyaingi, walaupun tidak dengan sepenuhnya, menyaingi Singapura dan Hongkong. Memang sudah lama diramalkan oleh Kerajaan British dahulu, dengan sebab itulah Labuan telah menjadi sebuah pelabuhan bebas sehinggalah pada hari ini.

Maka dalam Rang Undang-undang ini juga, Tuan Yang di-Pertua, yang ada menyatakan iaitu satu jaminan yang Labuan tetap dan kekal akan menjadi sebuah pelabuhan bebas dan waktu kemasukan Sabah ke dalam Malaysia, saya juga salah seorang daripada ahli yang menyertai untuk menemui Cobbold Commission dan kebanyakan daripada badan-badan yang menemui Suruhanjaya Penyiasat Cobbold ini yang diketuai oleh Lord Cobbold, waktu itu Tan Sri Ghazali pun masih ada belum 'Tan Sri' lagi saya ingat dan masih pegawai Kerajaan lagi. Saya sebagai wakil dari Persatuan Melayu atau Malay Union dari Labuan dan kebanyakannya yang mengutarakan pendapat mereka supaya kedudukan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas itu dikekalkan. Jadi apa lagi bilamana Labuan ini telah dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan, lebih-lebih lagi kepercayaan ini sangat-sangat diharapkan oleh semua peniaga-peniaga di Labuan kerana inilah cara yang boleh meningkatkan lagi perkembangan kemajuan di Labuan kerana tidak ada kawasan yang lain, tidak ada kawasan yang luas yang hendak kita buat seperti di daratan Sabah, orang yang punya kayu balak bukan kira 100-200 ekar, paling kecil orang punya kayu balak mesti minta

hanya daripada segi wang ringgitnya, kita dapat membuktikan beribu-ribu anak-anak daripada negeri Sabah yang berumur 12 tahun tiap-tiap tahun dihantar ke Semenanjung Malaysia di seluruh sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia, biasiswa pelajaran yang diberi oleh Yayasan Sabah ke seluruh negeri-negeri, sekolah-sekolah menengah di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Itu baru tingkatan satu dan mereka ini membiayai sampai ke tingkatan enam sehingga masuk ke universiti demi untuk mempercepatkan integrasi nasional. Ini telah ternyata dan ini telah kita lihat bahawa mereka ini selepas sahaja tamat sekolah menengah tingkatan enam atau lima dan terus melanjutkan pelajaran ke universiti kita telah dapat melihat reaksi itu, perubahan-perubahan pemikiran mereka sudah berlainan. Tidak ada lagi pandangan mereka itu misalnya saya memang berasal anak Sabah dan saya belajar di Semenanjung sana di Perak atau di Pahang, sudah tidak timbul lagi masalahnya kerana mereka menyebutkan di mana tempat mereka belajar itu hanya menyebutkan negerinya sahaja, negeri tempat mereka belajar tetapi dari segi perbualan mereka sehari-harian itu sudah tidak nampak apa-apa.

Jadi nampak juga kita datang dari sekarang, sebab mereka ini dianggap sebagai anak angkat waktu sekolah cuti penggal diambil sebagai anak angkat, ini telah dapat membawa mereka itu persefahaman dan mengerti cara-cara hidup berkeluarga daripada keluarga asal kepada keluarga angkat dan menimbulkan integrasi nasional. Itu sudah wujud di sana. Sumbangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah ini nampaknya sudah ternyata. Jadi besarlah pengurbanannya.

Di dalam mesyuarat-mesyuarat di Sabah saya selalu menyebut bahawa sumbangan Yayasan Sabah untuk mempercepatkan integrasi nasional itu tidak banyak disedari oleh orang-orang di Sabah sendiri. Kerana itu satu

daripada punca-puncanya kita menghantar anak-anak murid kita daripada mula memasuki sekolah tingkatan satu ke Semenanjung Malaysia. Jadi inilah sebab-sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu juga saya berharap kepada Kementerian Wilayah Persekutuan nanti untuk menjadikan Labuan ini sebagai sebuah pelabuhan bebas yang boleh memainkan peranan yang seimbang dengan negeri-negeri Hongkong, Singapura dan sebagainya supaya Kerajaan akan cuba melihat bagaimana cara-caranya membuat sistem-sistem bank yang boleh dilonggarkan untuk mempercepatkan pelaburan-pelaburan modal daripada orang-orang asing ke Labuan supaya Labuan dapat berkembang dalam bidang-bidang industri pelancungan, industri yang lain-lain supaya ianya dapat benar-benar digunakan sebagai sebuah pelabuhan bebas.

Demikian juga kebanyakan pada waktu ini kalaulah sekiranya peniaga-peniaga Labuan ini mengharap pertukaran barang (barter trade) dengan Filipina yang mana waktu kemuncak perniagaan pertukaran barangan dengan Filipina ini Labuan telah dapat perniagaan sekurang-kurangnya 60 juta ringgit setahun iaitu kira-kira 12 juta ringgit sebulan dengan Filipina dan kita telah mendapati pertukaran asing yang begitu banyak dan kita boleh dapat berjuta-juta pesos mungkin 50 juta pesos wang Filipina yang boleh kita dapati di kedai-kedai di Labuan. Kerana inilah wang yang kita gunakan sebagai perniagaan pertukaran barangan di antara Labuan dengan Filipina.

Kita membekalkan apa sahaja barang keperluan kepada Filipina daripada berus gigi sehinggalah kepada makanan-makanan yang diperlukan baik makanan yang diimport, makanan dalam tin yang diimport dari Amerika, dari negeri China seperti laici dan sebagainya kita import dari negeri

China dengan menggunakan kota yang besar-besaran. Saya berharap supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga patut membuka satu Cawangannya di Labuan supaya ini dapat memudahkan peniaga-peniaga di Labuan berhubung terus dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan untuk mempercepatkan mendapat kota-kota mereka bagi mengimport barang-barang dibawa ke Labuan dan mungkin juga mereka ini boleh mendapatkan agensi-agensi barangan yang membuat dan dari Labuan yang akan menyalurkan kepada negeri-negeri yang mana kemampuan peniaga-peniaga ini menyalurkan atau re-export ke negeri-negeri jiran lain. Inilah diharapkan supaya wujudnya Wilayah Persekutuan ini juga perkembangan perindustrian, perdagangan di pulau tersebut adalah satu-satunya diharapkan supaya ianya benar-benar dapat digunakan sebagai sebuah pelabuhan yang boleh mengendalikan semua barang-barang dagangan yang akan diimport dan dieksport. Tambahan lagi seperti gas methanol yang ada di sana dan ini juga akan membawa kapal-kapal yang besar masuk ke Labuan misalnya kapal yang pertama kali baru masuk ke Labuan ialah dari Brazil baru-baru ini dalam tiga minggu atau empat minggu yang lalu yang membawa HBI (high bracket iron) yang bulat-bulat itu yang pertama kali untuk dibawa ke Labuan dan kapal itu adalah beratnya 150,000 tan.

Saya fikir ini adalah sejarah pelabuhan di seluruh Malaysia belum ada kapal yang masuk ke pelabuhan Malaysia yang masuk ke tambatan yang seberat 150,000 tan. Saya fikir hanya Labuan yang lebih dahulu kapal masuk membawa ketul-ketul besi dari Brazil.

Ini telah menunjukkan bahawa faedahnya Pulau Labuan itu – kemudahan-kemudahannya sudah sedia ada tetapi kita hanya mengharap usaha penuh dan kepercayaan penuh Kerajaan Pusat yang telah memilih Labuan sebagai

Wilayah Persekutuan. Ini adalah memang sudah kena pada tempatnya. Ini bukanlah difikirkan cita-cita baru, bukan. Kalau difikirkan sejarah lama kita bincangkan, dalam tahun 1971 lagi. Masa itu tahun 1971 beberapa orang sahaja yang sedang berunding untuk memilih Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan waktu itu Parti BERJAYA belum lagi memerintah. Inilah tujuannya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bercakap lagi mungkin ada di antara saudara-saudara yang lain yang akan bercakap mengenai Labuan tetapi oleh kerana saya sangat beruntung, saya adalah seorang anak daripada Pulau Labuan, yang dilahirkan, dibesarkan, dididik di pulau itu sehingga menjadi seorang Ahli Dewan Negara dan kebetulan membahaskan hal ehwal pulau saya sendiri. Jadi, saya rasa beruntung dan bertanggungjawab menaikkan taraf Pulau Labuan yang mana saya anggap tugas saya ini sebahagian daripada tugas Kerajaan Persekutuan untuk meninggikan Labuan tarafnya itu sebagai sebuah Wilayah Persekutuan dan ianya dapat membayangkan satu pengwujudan integrasi nasional yang begitu konkrit, yang lebih kukuh dipandang mata dunia keseluruhannya. Tidak ada lagi yang Malaysia Timur itu Sabah dan Sarawak, tetapi kita ada Wilayah Persekutuan di antara dua negeri-negeri ini dan juga jiran kita yang dekat, orang yang bekas, yang punya pulau ini iaitu negeri Brunei.

Dalam sejarah Pulau Labuan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu sejak 24hb Disember, 1846 hingga kepada tahun ini 1984 sudah berusia 138 tahun lamanya yang pulau ini telah bertukar-tukar pemerintahan sehinggalah pada hari ini saya ingat ialah harinya yang Labuan akan kekal sebagai sebuah pulau yang telah dipertingkatkan statusnya sebagai sebuah Wilayah Persekutuan di negara ini yang mana kami yakin dan percaya bahawa segala perkembangan dan kemajuan ini akan dapat dilaksanakan

apa juga yang difikirkan oleh Kerajaan Pusat, kami harap.

Saya juga terlibat sebagai seorang Ahli dalam Majlis Perbandaran dan bekas Timbalan Pesuruhjaya Majlis Perbandaran dan sebagainya akan sedia memberikan pandangan-pandangan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan yang akan ditubuhkan di Labuan nanti selepas sahaja ianya wujud pada 16 haribulan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya tidak ada apa-apa selain daripada mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato Musa Hitam yang telah membentangkan Akta ini dan saya dengan sepenuhnya menyokong dan mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shahaarom Maasom.

4.43 ptg.

**Tuan Haji Shahaarom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta membahaskan pindaan Perlembagaan menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam Dewan ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din Jaafar sebagai orang yang punya tubuh badan yang datangnya dari Pulau Labuan yang telah begitu memberi semangat kepada kami daripada anak-anak yang lahir di Semenanjung ini. Kalau begitulah semangat rakyat Malaysia daripada Padang Besar sampai ke Sandakan maka kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan. Lagi sekali diucapkan berbanyak terima kasih kepada Datuk Haji Mohd. Din Jaafar.

Tuan Yang di-Pertua, biduk lalu kiambang bertaut; Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam

menyatakan tadi di dalam pengembangan dan perkembangan negara dan bangsa Malaysia maka Akta Pindaan Perlembagaan menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan ini di bawa ke Dewan ini untuk diluluskan dan kita memandang lebih jauh lagi.

Kalau Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din Jaafar tadi menyatakan selama 136 tahun Labuan bertukar tangan dari satu kuasa kepada satu kuasa maka pada puncaknya sekarang ini Labuan sepertimana kata Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din Jaafar dari sebuah daerah menjadi sebuah negeri iaitu anjung kepada Kuala Lumpur. Kalau Kuala Lumpur merupakan rumah besar, rumah ibu maka Labuan menjadi anjung pertama yang menghadap ke timur untuk menyedut udara pagi dan melihat cahaya matahari terbit.

Rumah anjung ini biasanya terdapat berihat tempat tuan rumah berdiri waktu pagi atau petang untuk melihat alam sekeliling. Jadi daripada tempat melihat inilah apabila Wilayah Persekutuan ini mempunyai cabangnya iaitu Labuan penglihatan Kerajaan Pusat Kuala Lumpur kepada pemimpin-pemimpin besar kita di bidang Kerajaan dan bidang politik akan lebih luas lagi. Kerana dari rumah anjung ini biasanya terbuka, rumah anjung ini biasanya dinding tidak sampai ke atas, jadi mudah anasir-anasir subersif, mereka yang berdagang dadah untuk melompat masuk ke rumah anjung ini dan ini nanti akan jadi masalah kepada kita.

Tetapi saya percaya pihak Kerajaan, pihak Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri telah memikirkan sedalam-dalamnya sebelum akta ini dibawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara tentulah jerejak-jerejak besi dan benteng-benteng pertahanan telah pun disusun rapi untuk ketenteraman, keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia yang tinggal di Pulau Labuan.

Sebelum saya pergi jauh di dalam kertas biru yang ada di hadapan kita ini iaitu di dalam huraian Fasal 3 bertujuan mengadakan peruntukan bagi mengakhiri kedaulatan negeri Sabah. Saya rasa kalimat “mengakhiri kedaulatan negeri Sabah” ini maksudnya betul untuk menamatkan kuasa negeri di atas Pulau Labuan. Kalimat “mengakhiri” ini jika sekiranya dapat digunakan bahasa yang lebih halus, bahasa yang tidak menikam jantung, saya rasa ini tidak akan timbul sebagaimana kata Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din Jaafar tadi ada poster-poster yang ditampalkan di pokok-pokok. Kerana kalimat “mengakhiri” ini seolah-olahnya menamatkan riwayat seseorang – pukul mati. Jadi, kalau kita berhadapan dengan seseorang kita kata kita hendak pukul mati, tentulah orang itu akan mencari jalan untuk menyelamatkan diri. Sepatutnya kalimat “mengakhiri kedaulatan negeri Sabah” ini, kalimat “mengakhiri” itu maksud saya kalau kita tukarkan kepada satu bahasa yang lebih lunak supaya tidak timbul prasangka sepertimana yang diutarakan oleh pihak Pembangkang khasnya ataupun mereka yang tidak mahu perkembangan negara kita Malaysia ini, pengenalan di antara penduduk di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Mereka masih mahu melagakan lagi di antara orang Semenanjung dengan orang Sabah dan Sarawak sekalipun kita telah merdeka sekian lama. Sabah dan Sarawak telah berada di Malaysia selama 20 tahun lebih. Tetapi golongan-golongan yang mahu memecahkan perasaan perkauman ini masih mengapi-apikan maka inilah yang saya minta kepada pihak Kerajaan, kepada pihak Kementerian Dalam Negeri khasnya supaya mengawasi golongan-golongan ini supaya kempen adu-domba tidak akan terus dijalankan oleh golongan-golongan chauvanis, golongan-golongan oportunist yang menanggung di air yang keruh di dalam kempen politik untuk menghancurkan

perpaduan di dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya lebih suka jika sekiranya kita ini menggunakan istilah ‘Daerah Istimewa Labuan’. Apabila Labuan ini dijadikan daerah wilayah, serambi kepada Kuala Lumpur, maka kita ungkapkan Labuan ini jadi ‘daerah istimewa’. Jadi kalau kita gunakan perkataan ‘daerah istimewa’ ini maka datanglah sebagaimana kata Yang Berhormat Datuk Mohd. Din Jaafar tadi supaya Labuan ini akan berubah dari keadaan wajahnya yang ada sekarang ini. Kalau di sini barangkali banyak di antara kita yang belum memijakkan kaki ke Labuan, saya sendiri memijakkan kaki ke Labuan pada tahun 1965 sewaktu konfrantasi sedang menghebat, waktu itu tentera komunis Indonesia menyerang Kalabakan. Maka apabila saya dibawa pergi ke Merapoh, ke Sepitang, ke Weston pergi ke Labuan tetapi Labuan yang 20 tahun dahulu saya rasa tentu berlainan dengan Labuan yang ada hari ini, maka harapan seorang Ahli Yang Berhormat Senator kita dari Sabah tadi meminta supaya peruntukan-peruntukan diberi kepada Labuan daerah istimewa ini tentu akan menimbulkan satu semangat baru kepada mereka yang ada di Sabah, rakyat kita, saudara-saudara kita di Sabah sana memandang bahawa inilah keuntungan yang mereka dapat dari memasukkan Labuan menjadi Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Datuk Mohd. Din tadi menyebut bukan dari segi wang ringgit yang mereka pandang, ini ialah kerana orang Sabah ini kaya dengan kayu balak, jadi dia tidak pandang lagi wang ringgit, yang dia pandang ialah status Labuan ini dari sebuah daerah kepada sebuah negeri yang sama tarafnya nanti dengan Kuala Lumpur, kawasan Wilayah, yang akan diawasi sepenuhnya oleh Kementerian, bukan lagi oleh Kerajaan Negeri Sabah, bukan lagi oleh Yang Amat Berhormat Datuk Ketua Menteri Sabah, tetapi oleh Menteri Wilayah Persekutuan yang

mana untuk membangunkan satu kawasan yang sungguhpun cuma 36 batu persegi tetapi jika Labuan ini mahu dibangunkan terus sebagai sebuah pelabuhan bebas, maka saya nampak tanggungjawab Kerajaan Pusat besar kepada kawasan ini, kepada daerah istimewa Labuan ini, pertama sekali dari segi keselamatan. Menjelang tahun 2,000 Hong Kong akan dikembalikan kepada hakmiliknya. Ini juga menjadi satu andaian kepada saya tetapi saya percaya pihak pucuk pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memikirkan halus-halus, telah memikirkan sedalam-dalamnya apakah yang akan kita hadapi, apakah masalah yang akan berhadapan dengan kita dengan Labuan khasnya apabila Hong Kong kembali kepada tuan yang punya diserahkan semula oleh pihak British.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik semasa Yang Amat Berhormat Dato Musa membentangkan Akta ini tadi dapat mengurangkan lagi perasaan terasing di antara rakyat Malaysia di Semenanjung dengan Sabah. Di sini saya ingin menyatakan perasaan saya sendiri, walaupun kita ini telah sama-sama 20 tahun merdeka sebagai Malaysia tetapi yang sebenarnya perasaan seolah-olah terasing ini masih wujud. Bagi orang yang sudah ulang-alik, bagi kakitangan Kerajaan, ahli-ahli perniagaan yang sudah ulang-alik Kuala Lumpur-KK, Kuala Lumpur Kuching memang sudah tidak ada lagi perasaan itu tetapi bagi perasaan rakyat di kampung-kampung terutama kalau kita sendiri rajin pergi ke kampung-kampung, di daerah pedalaman di Sabah dan Sarawak, perasaan seolah-olah ada satu jurang ini masih nampak yang sebenarnya. Ini hendaklah kita akui.

Kalau kita tidak akui hakikat yang sebenarnya ini maka tidak ada lagi tujuan diadakan perkhidmatan feri di antara Kuantan – Kuching dan KK – Labuan itu besok, akan menambahkan

lagi peluang kepada pemimpin-pemimpin masyarakat orang Semenanjung, orang Sabah/Sarawak ulang-alik berkenal mesra, tidak timbul nanti perkataan itu dan sudah timbul mulai 16hb April orang Semenanjung ke Sabah tak payah pakai Pasport Antarabangsa, selama ini perkara itu masih dikenakan lagi. Jadi perasaan perasingan ini masih wujud yang sebenarnya, kita mesti akui ini, kerana di dalam kalangan kaum-kaum yang begitu banyak, kaum-kaum yang berselerak di Sabah dan Sarawak, kaum-kaum kecil ini mereka mempunyai tokoh-tokoh tertentu, yang tokoh-tokoh mereka ini pula kadangkadangkang menerima hasutan daripada puak-puak pemimpin-pemimpin parti yang opportunistik, pemimpin-pemimpin politik yang chauvinis, dihasut mereka ini.

Pernah satu masa dahulu saya teringat seolah-olah kakitangan Kerajaan dari Setiausaha Persekutuan yang diletakkan di Kota Kinabalu, yang seorang lagi di Kuching, dianggap sebagai kepala yang membawa gerombolan penjajah mahu menakluki Sabah dan Sarawak. Berlaku pergaduan di antara askar-askar kita dengan anak-anak muda di Sabah dan Sarawak. Yang sebenarnya perasaan ini masih wujud sekarang tetapi perasaan ini kita biarkan begitu sahaja, akan hilang sahaja – tidak. Perasaan ini tidak akan hilang begitu sahaja. Percayalah selagi manusia ini bersikap mempunyai naluri sebagai manusia yang mempunyai tanah tumpah darahnya, punya dikenal dengan nama keturunannya, dia masih punya perasaan itu. Jadi perasaan ini, insya Allah, dengan adanya keyakinan kita untuk menanamkan perasaan kemalaysiaan ini supaya perasaan itu dapat kita hapuskan dari satu jenerasi ke satu jenerasi yang akan datang.

Yang Amat Berhormat Dato Musa tadi menyebut 'jenerasi yang akan datang'. Jenerasi kita ini sudah hampir pupus. Pemimpin-pemimpin yang mula asal mengasaskan perjuangan

kemerdekaan negara kita sudah banyak yang kembali menyahut panggilan Allah S.W.T., moga-moga mereka semua disatukan oleh Allah taala di dalam ahli-ahli syurga kerana mereka telah menyelamatkan negara kita ini daripada penjajahan selama 446 tahun dan sekarang ini sebenarnya kita ini, orang yang di bawah 50 tahun inilah jenerasi baru yang sebenarnya, jenerasi baru yang akan menerima warisan tanah Melayu ini, yang menerima warisan Sabah dan Sarawak ini untuk menyelamatkan tanah pusaka ini, untuk menyelamatkan bangsa yang asalnya satu, kemudian dipecah-pecahkan oleh penjajah sehingga dikenal dengan berbagai rumpun kaum itu untuk disatukan balik semula.

Dengan penyatuan Gagasan Malaysia yang dibawa oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan sekarang ini kita nampak. Kalau waktu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menyatakan Gagasan Malaysia ini dahulu juga mendapat tentangan tetapi generasi hari ini menerima hakikat Gagasan Malaysia itu adalah baik dan daripada Gagasan Malaysia itu maka lahirlah pindaan Perlembagaan pada hari ini menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan yang mana saya percaya dengan penuh yakin bahawa Labuan ini akan dibangunkan oleh Kerajaan, akan dibangunkan oleh Kuala Lumpur menjadi satu pulau impian yang orang tidak fikir satu masa nanti negara ada satu lagi pulau mutiara di pesisir Sabah.

Saya mengingatkan kepada Kerajaan, lagi sekali saya katakan, saya mengingatkan kepada Kerajaan apabila menghantar kakitangan yang akan berkhidmat di Wilayah Persekutuan Labuan ini nanti hendaklah kakitangan dan pegawai-pegawai yang akan dihantar ke sana itu dipesan betul-betul, dinasihati betul-betul, kalau boleh diorientasi betul-betul supaya jangan jadi nanti sebagai anggapan 20 tahun dahulu orang Semenanjung ke

Sabah dan Sarawak mahu jadi penjajah sebab di Sabah sana ada satu bahasa yang dikatakan "akun". Kalau dikatakan aku tidak bisa akun, itu susah. Jadi kita mahu orang sana akan 'akun' terus dengan kita. Ertinya kita mahu menjadikan persaudaraan kita di antara Semenanjung dengan Sabah ini dunia akhirat.

Kepada yang beragama Islam kita bersaudara betul-betul, kita kasihi mereka sebagaimana kita mengasihi diri sendiri, kepada mereka yang tidak seagama dengan kita, kita cintai mereka sebagai umat manusia yang mencari kehidupan di bumi, bukan untuk mencari pergaduhan, kerosakan dan peperangan. Jadi, saya ingatkan kepada pihak Kerajaan apabila hendak menghantar pegawai-pegawai, kalau perlu, kalau tidak cukup dengan kakitangan di Sabah, kakitangan Kerajaan Negeri sahaja yang akan dipinjamkan kepada Wilayah Persekutuan Labuan ini cukup, tak usah kita hantar orang kita.

Kalau Wilayah Persekutuan Labuan ini memerlukan seorang KPN atau dalam bahasa dahulunya CPO, ambil sahaja orang Sabah jadi CPO, tidak perlu dari Kuala Lumpur, tak perlu daripada sini hantar ke sana. Jikalau perlu barangkali di sana ada sekretariat kerana mungkin nanti apabila Menteri Wilayahnya di sini maka Timbalan Menterinya di sana. Ya, daripada setiausaha-setiausahanya kepada pegawai-pegawainya semua sekali kalau perlu dengan orang Sabah, ya, orang Sabah sahaja; jangan dihantar dari Kuala Lumpur. Tetapi kalau mahu juga dihantar dari Kuala Lumpur untuk kebaikan, untuk pertukaran pegawai, saya pesan betul-betul supaya kakitangan yang akan dihantar ke sana nanti hendaklah dinasihati, diberi betul-betul bimbingan, kalau perlu mereka ini berikrar sebelum dihantar ke sana, berikrar dengan Ketua Setiausaha Negara tidak akan mencemarkan nama baik Kerajaan, tidak akan mencemarkan nama baik Dr. Mahathir,

tidak akan mencemarkan nama baik Dato' Musa Hitam kerana kita takut ekorannya nanti kerana nila setitik akan rosak susu sebelanga. Inilah orang yang Dr. Mahathir hantar bikin kacau sahaja-lah ini. Inilah orang yang Dato' Musa hantar ke mari, ini bikin rosak sahaja ini. Ini yang bahayanya akan berlaku dan ini akan rosak nama kita.

Apa lagi yang kita takut. Saya paling takut kalau Wilayah Persekutuan Labuan ini nanti iaitu bukan jadi pulau impian tetapi menjadi 'pulau cowboy'. Ini kita tidak boleh meramalkan sesuatu tetapi kemungkinannya nanti ini akan berlaku. Kalau sudah jadi kawasan wilayah, daerah istimewa, kawasan bebas, semua boleh keluar masuk jadi pulau cowboy. Ini lagi akan merosakkan nama, akan merosakkan pemimpin, jadi ini yang perlu selalu dihati-hati, perlu difikirkan sedalam-dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam saya menyebut mengenai perasaan terasing di antara ketua-ketua kaum, pemimpin-pemimpin kecil di Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung ini, saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri kenapa sekarang ini diberhentikan rombongan lawatan di antara Sabah/Sarawak, Semenanjung ke Sabah/Sarawak, Sabah/Sarawak ke Semenanjung; tidak macam dahulu sewaktu mula-mula Malaysia hendak ditubuhkan, kita sambut, kita sambut, dia sambut; kita sambut dia sambut; rombongan demi rombongan, kalung bunga; kalung bunga, bunga mangar, kompang. Jadi apakah sekarang itu tidak perlu. Tetapi yang sebenarnya saya memikirkan bahawa rombongan pemimpin-pemimpin ini perlu kerana pemimpin di Malaysia ini, di Semenanjung ini dan pemimpin-pemimpin kaum yang ada di Sabah dan Sarawak tahun 1963 sekarang ini kalau dahulu berumur 60 tahun sekarang sudah 80 tahun, dia sudah tidak aktif lagi, dia sudah diganti dengan orang baru. Pemimpin-pemimpin yang tahun 1963 di Sabah/Sarawak bermati-mati

mahu masuk ke Malaysia, mereka sekarang ini mungkin telah tidak ada, telah menjadi mendiang atau telah jadi allahyarham dan mereka telah diganti oleh orang baru. Jadi orang baru itu sepatutnya dibawa lagi.

Sepanjang Dewan Rakyat bersidang, sepanjang Dewan Negara bersidang kita tidak nampak rombongan dari Sabah/Sarawak menjadi pemerhati. Alangkah baiknya kalau setiap kali ada Dewan Rakyat/Dewan Negara ini bersidang ada rombongan pemimpin-pemimpin kecil daripada Sabah dan Sarawak melihat, mengikuti perbincangan di dalam Dewan ini yang menyentuh kepentingan mereka supaya mereka yang duduk di bahagian-bahagian yang di dalam sana memikirkan tidak hanya Semenanjung sahaja yang dibangun, tidak hanya Semenanjung sahaja yang ada projek, mereka juga menerima bahagian yang sama. Jawapan pihak Kerajaan nanti alat media-massa, mass-komunikasi TV/Radio ada di kampung-kampung. Berapa orang yang mengikuti Laporan Parlimen. Apabila Laporan Parlimen mereka tukar kepada Rangkaian Kedua - Wrestling. Orang tak tengok Laporan Parlimen kecuali kita yang jadi Ahli Parlimen tengok keluar atau tidak gambar aku hari ini. (*Ketawa*) Jadi kepada mass-media, kepada RTM khasnya muka Ahli-ahli Dewan ini keluarkan selalu, apa salahnya muka Menteri tak payah, dia sudah selalu keluar, tak ada Dewan pun dia keluar, ini muka Ahli-ahli yang jarang-jarang keluar ini supaya dapat, sekurang-kurangnya keluarga mereka tengok boleh tanah juga. Itu sahaja. Minta kepada orang RTM jasa baiknyalah - yang selama ini pun keluar, keluar, jadi kalau dapat keluar selalu lagi bagus, kalau boleh Laporan Parlimen ini dipanjangkan masanya, jangan 15 minit. Kalau tak 15 minit, lebih sedikit atau kurang sedikit. Panjangkanlah laporan mengenai negara, mesyuarat mengenai negara, memutuskan pindaan Perlembagaan, menjadi Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Tengoklah malam nanti punya laporan, tak sampai 3 minit. Timbalan Perdana Menteri membentangkan, Senator Datuk Haji Mohd. Din Jaafar menyokong, Haji Shahrom mengingatkan, habis, tukar lain. Pada hal pentingnya akan jadi sejarah negara. Tolong panjangkan, RTM, Laporan Sidang Parlimen, Sidang Dewan Rakyat dan Sidang Dewan Negara ini kalau boleh dipanjangkan. Saya rasa Pak Adib tak marah sebab baik, Adib pun sudah undi. Dia tak marah kalau dipanjangkan masa. Ini kepada Penerbit pihak RTM, dia ada penerbitnya, jadi kepada Tuan Penerbit mengenai Laporan Parlimen ini kalau boleh kita panjangkan sedikit, tetapi Rangkaian Kedua jangan diselangi dengan wrestling pada masa itu.

Pada masa itu Rangkaian Kedua syaratnya yang lain yang orang pun tak mahu tengok, jadi hendak tak hendak dia kena tengok Laporan Parlimen. Apa lagi kita sekarang berhadapan dengan video, Yakarim, boleh katakan percontagennya saya tak tahulah tetapi RTM juga barangkali sudah buat penyiasatan, sudah membuat satu lawatan ke bandar-bandar, ke kampung-kampung, berapa banyak rumah-rumah yang ada video kerana video juga sekarang sudah jadi perkara biasa, gambar-gambar yang dijual melalui pusat-pusat video ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya minta sebut kerana dalam Akta ini keluar sedikit daripada video tetapi boleh sebut ya?

Sedarkah pihak Kerajaan bahawa sekarang ini banyak gambar-gambar video yang lucah yang sampai ke rumah-rumah? Saya sendiri tidak tahu. Saya tidak tahu apakah tajuk filem. Apa maknanya, di mana anak saya pergi sewa tape itu, tetapi apabila saya berasa penat, saya cubalah tekan video, sekali keluar gambar, Masyaa-Allah! Jadi orang rumah saya kata, gambar itupun awak tengok. Mana saya tahu? Picit-picit keluar gambar itu. Ini dia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lain kali jangan picit. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Saya tidak picit, saya sondol sahaja punatnya begitu.

Tuan Yang di-Pertua, ini sepatutnya ada kawalan mengenai pusat-pusat video ini. Jangan berleluasa, banyak kejadian-kejadian yang tajuk gambarnya cantik, tajuk gambarnya kita fikir molek, tetapi gambarnya sebenarnya adalah gambar-gambar kuning. Gambar-gambar budaya kuning yang akan merosakkan anak-anak kita.

Saya sebutkan tadi mengenai lawatan ketua-ketua kaum daripada Sabah, Sarawak ke Semenanjung, dan daripada Semenanjung ke Sabah, Sarawak patut diperbanyak dan diperkuatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam tadi hak penduduk asal akan tetap terpelihara. Ini sebenarnya dan ini memang sepatutnya kita jaga. Apabila Labuan menjadi Wilayah Persekutuan jangan seinci pun hak penduduk asal baik dari segi hartanya tidak bergerak atau baik dari segi apa sahaja supaya kita jaga betul-betul, supaya jangan terguris, jangan nanti dikatakan Kuala Lumpur merampok. Ini mahu dijaga betul-betul waimma hendak meletak nama jalan pun hendak dijaga betul-betul.

Sebab Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini telah buat salah, dia letak nama jalan tidak betul. Jalan Tun Razak. Salah itu. Kalau hendak ikut penerapan nilai-nilai Islam mesti mahu gunakan Jalan Tun Abdul Razak. Abdulnya itu mahu ada, Ha! jadi kalau Jalan Tun Razak saya kata saya salahkan, itu salah. Besok hendaklah dibetulkan. Jalan Tun Razak jadikan Jalan Tun Abdul Razak. Sebab Razak itu salah satu daripada Asmaaulhusnaa. Jadi, itu kalau ikut penerapan nilai-nilai Islam, jadi besok di Labuan yang menjadi Wilayah Persekutuan kalau hendak taruh nama juga mesti mahu betul-betul. Kalau hendak taruh nama

Jalan Datuk Harith, itu ha, alif, ra, tha, itu thanya ini mahu betul-betul, ini kata ejaan standard ini. Sekarang pula sudah ada kempen tulisan jawi. Jadi ejaan kita ini pun bercelaru. Orang kita pun cakap bercelaru.

Tadi kita dengar orang cakap Israel, dia sebut Izrael, selalu saya terdengar itu. Israel itu terang-terang dalam Al Quran itu ada sebutnya Ya Bani Israel. Ini Ya Bani Izrael mana ada Malaikat Izrael ada anak bini. Ini minta betulkan. Pemimpin kita ini pun kalau hendak bercakap ini kalau hendak sebut Israel sebut betul-betul, Israel jangan Izrael.

Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam merasmikan satu Seminar Qadi-qadi di Kelana Jaya. Kalau tidak salah saya orang kita sebut Qadi ini Kadi-kadi. Bukan Kadi – Qaf, alif, dhat, ya – Qadi. Tengok jemputan kahwin, Ya Qadhiyalhajat, macam itu, jangan Kadi-kadi. Dato' Musa Hitam dalam ucapannya di hadapan 40 orang Kadi-kadi. Ini kalau Kadi-kadi ini serupa juga orang yang onnah.

Kemudian Dato' Musa Hitam menekankan bahawa Mahkamah-mahkamah Syari'at. Kemudian dalam warta berita, ini warta berita RTM lagi kena, dia menyebut Mahkamah Syari'at. Mahkamah Syari'at. Ini pun kena betulkan. Tidak Mahkamah Syari'at, yang ada Mahkamah Syari'at. Ya, antara Syari'ah dengan Syari'at lain. Syari'at lembut, Syari'at ini dia punya patuhkan. Ini kena betulkan. Perkara ini kecil, tetapi di Kelantan dan Terengganu jadi bahan politik ini. Apa ini menyebut Syari'at pun tidak tahu, menyebut Syari'ah tidak tahu.

Jadi kena betulkan, tukang baca warta berita Ya! supaya Mahkamah Syari'ah bukan Mahkamah Syari'at, kalau saya dengar lagi ada orang sebut lagi dekat warta berita baca Mahkamah Syari'at – besok saya gasak lagi. Menteri kalau yang sebut lagi Israel sebut Izrael, saya gasak lagi.

Ada orang kita sebut Malaysia ini

Malayzia. Ya! orang Arab betul, lidah Arab sebut Malaysia, Malayzia. Tetapi orang kita lidah Melayu yang masih makan tempoyak ini menyebut Malaysia pun tidak betul – Malaysia. Betulkanlah, kalau hendak gunakan bahasa standard, gunakan bahasa standard yang benar-benar deh! Ha, itu.

Kalau mahu gunakan Bahasa Melayu, gunakan Bahasa Melayu yang betul-betul, nampaknya pencemaran bahasa makin menjadi-jadi. Semakin menjadi-jadi pencemaran bahasa. Jadi nanti diantara huruf 'e', 'e tanda', dengan 'a nya' sudah tidak tentu hujung pangkal.

Jadi besok kalau Labuan ini kalau salah sebut pergi Labian. Labian ini kalau ikut kalau kita bincangkan dalam Akta Keluarga Islam jumpa itu Labian.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan dan hak penduduk asal di Labuan akan terpelihara, kita mengucapkan berbanyak terima kasih di atas janji Kerajaan. Janji Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam waktu membentangkan Akta ini supaya besok 20 tahun yang akan datang, orang tidak akan menuduh kita menjadi perampok.

Yang Berhormat Datuk Mohd. Din bin Jaafar menyebutkan tadi memberi kemudahan penduduk setempat mengembalikan sebuah negeri yang asal, sebuah negeri yang dijajah, jadi daerah kemudian balik jadi sebuah negeri lagi. Ini kita mahu jaga supaya tahun 1986 akhir atau awal tahun 1987 dimana pilihanraya umum akan berlaku, isu itu Labuan menjadi Wilayah Persekutuan atau Wilayah Persekutuan Labuan atau pada saya mengatakan daerah istimewa Labuan ini tidak akan menjadi isu pilihanraya umum tahun 1986 atau 1987.

DAP membukakan sayapnya ke Sabah dan Sarawak dengan isu-isu yang tertentu. Saya khuatir nanti dengan jadinya Wilayah Persekutuan Labuan ini mereka akan menjadikan isu. Apa yang Labuan dapat semenjak tahun

1984 sampai 1986, semenjak menjadi Wilayah Persekutuan, ada harta kita kena rampok bang? Ha!

Jadi ini kita tidak mahu. Jadi kita kena jaga, kita kena hati-hati, kita kena waspada, kita kena kuatkan betul-betul benteng-benteng keselamatan kita supaya isu ini tidak akan timbul di waktu pilihanraya yang akan datang.

Apabila Labuan menjadi Wilayah Persekutuan, sebuah negeri jiran yang baru sahaja merdeka, Brunei Darussalam sebagaimana kenyataan sejarah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din tadi, kebanyakan mereka yang menjadi penduduk di Pulau Labuan itu berasal dari orang Melayu Brunei. Mereka masih menggunakan bahasa Brunei. Mereka masih menggunakan Awang dan Dayang. Jadi dengan berjiran sebuah negara yang merdeka sebuah negara yang kaya dengan minyak, Brunei Darussalam hubungan kekeluargaan tadi akan dapat dipereratkan lagi.

Kemudahan-kemudahan keluar masuk dengan kawalan-kawalan yang rapi Kerajaan hendaklah buat. Sekarang kita tahu keluar masuk di antara Labuan dengan Sabah melalui satu teluk yang dinamakan perkampungan tempat yang banyak udang, tak sampai satu jam perjalanan kalau dengan "speed boat." Ini keadaan yang telah berlaku selam ini di kawasan itu. Jadi anasir-anasir yang pernah berlaku di Kalimantan Utara, yang sebenarnya dengan merdekanya Brunei Darussalam, ingin saya menyatakan bahawa perkembangan-perkembangan politik semasa di kawasan Sabah, Sarawak dan Brunei dan apa lagi apabila kita kaitkan nanti apabila Hongkong kembali ke pangkuan ibunda peristiwanya ini akan menjadi cabaran-cabaran yang besar kepada kita di masa yang akan datang.

Pelancungan, kita tidak nafikan apabila Sabah memberikan Labuan kepada Kerajaan Persekutuan sebagai

Wilayahnya, pelancung-pelancung tentulah akan gairah untuk makan angin, melancung ke Pulau Labuan itu. Pihak TDC, Lembaga Pelancungan Negara kita hendaklah menyediakan mulai dari sekarang ini atau mungkin sudah disediakan, untuk menarik pelancung-pelancung ke Labuan, untuk menarik sumber wang luar yang dibawa oleh pelancung. Jadi apa yang dikehendaki ialah persiapan-persiapan yang paling kecil sekali saya sebut, janganlah hanya jual tabir pintu daripada kulit kumbang. Jadi malulah kita bahawa saudara kita di Sabah, takkan di Sabah cuma ada kulit kerang laut sahaja yang hendak dijual. Patutlah ditingkatkan lagi. Dan apa lagi yang perlu ditingkatkan sekarang ini mengenai pelancung yang datang daripada barat khasnya supaya jangan mencemarkan nama baik Pulau Labuan.

Kita tidak mahu pelancung-pelancung mencemarkan nama baik Labuan seperti mencemar Pulau Bali. Mereka sewenang-wenang tanpa segan silu mendedahkan aurat, baring-bering di pantai dan pesisirannya. Ini nanti akan berlaku sebab pantai Pulau Labuan itu juga kalau buat baring-bering nyaman sekali, anginnya bagus. Apa lagi angin yang mengadap ke Sipitang, demikian juga yang mengadap ke Brunei, kalau yang mengadap ke laut luas anginnya kuat, tetapi yang mengadap ke Brunei, kalau yang mengadap ke Sipitang angin sepuh-sepuh bahasa. Jadi pelancung perlu dikawal.

Jangan esok keluar dalam akhbar "Labuan tercemar dengan pelancung rambut panjang", "Labuan tercemar dengan pelancung-pelancung yang mendedahkan aurat", atau tersiar berita "Dato' Mohd. Din Jaafar dukacita". Tak boleh begitu, dan dari sekarang dipersiapkan. Kepada pelancung yang hendak masuk ke mari mestilah dinasihatkan supaya sopan. Apakah ada syarat melancung ini boleh buka pakaian sampai menjolok mata ataupun "mencolok" mata. Itu dua

bahasa yang kadang-kadang disalahgunakan. Mendedahkan pakaian “menjolok” mata atau mendedahkan pakaian “mencolok” mata? Itu bahasa Jawa, kadang-kadang bahasa Jawa kalau salahguna lain maknanya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pakai bahasa Melayulah.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Jadi maknanya mendedahkan pakaian sehingga menimbulkan “berbulu” mata memandangnya. Itu bahasa Melayunya.

Jadi ini perlulah dijaga. Kemudian apabila Labuan ini menjadi pelabuhan bebas maka perniagaan tentulah makin membesar. Kapal-kapal besar makin banyak masuk, maka ini nanti akan menjadi satu persaingan kepada Pelabuhan Kuantan dan pelabuhan Pasir Gudang. Sebab kapal dari Hongkong dan dari Tokyo nanti tentu singgah dulu ke Labuan. Selepas singgah di Labuan baru menuju ke dermaga Kuantan dan dermaga Pasir Gudang. Jadi besok timbul satu reaksi kerana apabila barang-barang yang sampai ke Pasir Gudang, barang-barang yang dibawa sampai ke dermaga dalam di Kuantan hanya tinggal barang-barang yang karat-karat sahaja. Jadi mungkin timbul tuduh menuduh begitu. Ini semua hendaklah dijaga kerana perkara seperti ini akan boleh membawa keretakan perpaduan yang kita harap-harapkan dari Akta Labuan menjadi Wilayah Persekutuan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada lagi di antara Ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang akan mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, saya ingin menyarankan supaya kita berhati-hati, maknanya di dalam kita meminda Perlembagaan ini yang bersabit dengan penyerahan tanah, bersabit dengan penyerahan kuasa, yang bersabit dengan meminda Perlembagaan yang begitu besar buat masa ini dan akan datang, hendaklah kita

berhati-hati betul-betul supaya jangan kita melakukan suatu kesilapan setelah muka bumi kita ini diberi oleh Allah s.w.t. dengan keadaan yang baik.

Saya katakan begitu kerana dalam Al-Quran, Allah s.w.t. memberi ingat kepada kita, “Janganlah engkau berbuat kerosakan di muka bumi ini, setelah ianya dibaguskan.”

Makna dibaguskan bumi kita ini, dari dijajah dan setelah merdeka dan membangun begini pesat, kita tidak nafikan bahawa pembangunan selama 27 tahun kita merdeka ini pesat membangun, tetapi kita masih nampak lagi rakyat di pendalaman, di kampung-kampung yang mandi di kolam-kolam yang airnya pekat. Kita masih nampak lagi rakyat di kampung-kampung yang masih mandi dengan air tanah gambut, kita masih nampak lagi di kampung-kampung rakyat masih kalau di musim hujan bukan dia naik basikal tetapi basikal naik dia. Keadaan ini pergi sahajalah ke sebelah kampung, umpamanya di sebelah Muar, Batu Pahat atau Pontian. Apabila banjir, tenggelam sampai 3 bulan. Kampung saya sendiri 3 bulan banjir. Hendak dikatakan sungai tak dikorek, kerja JPT kita bagi peruntukan mengorek sungai, mengorek parit tetapi makin dikorek semakin cetek. Ini yang menghairankan. Keluar dalam akhbar dua hari sudah “Parit Terus” makin dikorek makin cetek.

Jadi saya membuat anggapan mungkin bumi yang kita pijak sedang terbenam kerana memikul dosa manusia, memikul kesalahan manusia, maka Allah s.w.t. peringatkan bumi makin mendap ke bawah. Maka berhati-hatilah jangan buat “tufsid”, jangan buat “fasik”, jangan jadi kaum yang “mufsidun”, yang “fasikun” di muka bumi ini.

Dulu ada berlaku banjir tetapi paling lama saya rasa, saya teringat paling lama banjir di masa Jepun, zaman wabak penyakit kolera, hanya satu minggu. Semasa Tuan (Timbalan) Yang

di-Pertua menjadi wakil rakyat kawasan Muar Selatan, paling lama banjir dua minggu.

Apabila tukar Wakil Rakyat perempuan Puan Sharifah Dorah, 3 bulan banjir. Ini yang orang marah (*Ketawa*). Itu fasal orang perempuan tidak boleh dijadikan pemimpin. Soal banjir, semalam saya baca suratkhbar, Negeri Johor mahukan peruntukan \$153 juta hendak korek parit di Johor di kawasan Batu Pahat yang tenggelam banjir.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak cari duit \$150 juta.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak cari \$150 juta.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Hendak cari duit \$150 juta tetapi kalau betul-betul saya rasa duit pasir yang boleh diseludupkan ke Singapura itu boleh kita gunakan. Tetapi mengapa berlakunya itu, kita kata 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Dalam 'Bersih, Cekap dan Amanah' pasir Ya-Karim, kalau tiga empat guni tidak mengapa juga. Ini nilainya sampai, berpuluh-puluh juta. Ini bukannya 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Bersih, mengambil; cekap, simpan; amanah, jangan pecah rahsia (*Ketawa*). Saya katakan dahulu, orang-orang dahulu perompak-perompak dahulu, merompak, melanun, gunakan lembing, gunakan kapak, gunakan andang. Tetapi orang sekarang ini, orang bijak pandai merompak gunakan kertas dengan ball pen, ini dia. Allah ta'ala murka, Maksud Al-Quran: Setelah pemimpin-pemimpin kita memperbaiki negara kita Malaysia ini, 13 buah negeri menjadi satu dan sekarang ini kita wujudkan pula kawasan Wilayah Persekutuan, kawasan Labuan ini pula, ini kita kena jaga supaya jangan berlaku kerosakan sama ada subversifnya, sama ada politiknya, sama ada dadahnya, sama ada pengambilan kawasannya – sebab

itu kita kena jaga betul-betul supaya Allah ta'ala peringatkan kepada kita dalam ayat yang lain, Allah ta'ala peringatkan, ertinya: Bahawa sanya bumi ini Aku wariskan kepada hamba-hambaKu yang bagus-bagus. Orang yang bagus-bagus, orang yang tahu membongkar, menggunakan bumi ini untuk penghidupan dan untuk kemuslihatan umum, kemuslihatan rakyat yang mana dia orang yang amanah atau dia orang yang muflis itu kita tidak kira.

Sebab Allah ta'ala jadikan anak Adam ini, hidup di muka bumi ini maka diwariskan bumi ini bagi orang-orang yang beriman kepada Allah atau orang-orang yang tidak beriman kepada Allah mereka kena hidup bersama untuk memperbaguskan bumi ini. Allah ta'ala tidak suruh perang, Allah ta'ala tidak suruh kita gaduh, Allah ta'ala tidak suruh kita 'cek-cop'. Allah ta'ala suruh kita buat baik, buat baik, buat baik, buat baik. Allah ta'ala kata jangan kamu buat fitnah, tuduh menuduh, jangan. Kita jalan terus, kerana kita mengingatkan kepada perintah Allah ta'ala tadi 'Wala' itu perintah yang paling keras, perintah yang paling besar. 'Wala', jangan sekali-kali membuat kerosakan kerana kita mahu menjadi orang yang baik-baik? Mana dia orang yang baik-baik. Orang yang diwariskan bumi ini jadi orang yang baik-baik. Kalau orang yang tidak baik diwariskan bumi ini, itu fasal orang tua Melayu kata, tanah pusaka jangan dijual. Pantang larang datuk nenek kita jual tanah pusaka, alamat merempat tujuh keturunan kalau jual tanah pusaka. Ini kita jaga. Jadi orang sayalah, orang-orang Johor gunakan bahasa Riau, pantang larang datuk nenek kita jual tanah pusaka, alamat merempat tujuh keturunan. Kita hendak jaga. Kita hendak jaga tanah pusaka kita ini supaya jangan sampai berlaku kerosakan di muka buminya akibat tangan kita sendiri.

Itulah Allah ta'ala peringatkan lagi Tuan Yang di-Pertua, ertinya: Jangan

kamu jerumuskan kedua tanganmu kepada kebinasaan. Sekarang kita nampak mengaji di pondok tahun 40an dahulu macam mana menjerumuskan tangan kepada kebinasaan.

Ini betul kerana kita demokrasi pilihanraya rupanya menggunakan tangan ini memilih Kerajaan. Menggunakan tangan, kuasa yang ada pada tangan Timbalan Perdana Menteri, besar. Kuasa itu jangan disalahgunakan. Kalau salah guna kuasa, Allah ta'ala berfirman, bererti: Jangan engkau jerumuskan kedua tangan tetapi kalau digunakan kedua tangan itu untuk kebaikan kemuslihatan umat maka tangan itulah yang akan melambai di satu puncak bukit sebagaimana Hadis Rosulullah saw yang menceritakan tujuh orang laki-laki yang akan berjaya di Yaumul Mahsyar.

Satu daripadanya orang laki-laki yang menggunakan kebagusan tangannya, kuasa yang ada padanya, keadilan yang ada padanya untuk umat, maka dia melambai dari puncak bukit; mari, kemari. Kalau hendak peluang itu, jangan buat rosak. Jangan buat rosak maka kita buat baik. Macam mana hendak buat baik? Maka kita buat baik, kita adakan peraturan undang-undang yang baik untuk keadilan untuk kemanfaatan umat manusia.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan, Akta Pindaan Perlembagaan 284 mengenai Labuan menjadi Wilayah Persekutuan ini oleh kerana saya diberi peluang diberi masa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak bercakap boleh, hendak berhenti boleh (*Ketawa*). Tetapi hal Labuan, ya.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** . . . hal Labuan. Sebab Labuan ini dia pulau, Tuan Yang di-Pertua, jadi apabila kita berdiri di puncak sebuah pulau, pandangan kita luas, jauh. Fasal itu saya pergi jauh (*Ketawa*). Kalau saya

duduk di daratan, di hujung kampung, saya tidak nampak apa-apa kerana saya sekarang ini menganggap diri saya berada di puncak bukit yang ada di tengah-tengah Pulau Labuan itu. Saya nampak jauh! Maknanya kalau adanya besok rangkaian 3 TV, makin luas lagi kita Rangkaian satu nasional orang tidak tengok lagi. Ini semua kita fikir. Hendak diswastakan, kita kena fikir.

Apabila kita membincangkan masalah dengan Labuan menjadi Wilayah Persekutuan ini yang dinamakan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan ini, saya ingin mengingatkan balik kepada Kerajaan beberapa perkara yang saya sebut tadi.

Yang pertama sekali pada saya terlalu penting ialah kalau mahulah Kuala Lumpur perlu menghantar kakitangan dan pegawainya ke Labuan hendaklah hati-hati. Itu permintaan saya yang pertama. Kalau Kuala Lumpur perlu menghantar kakitangannya ke Labuan hendaklah hati-hati. Pilih betul-betul, dinasihati betul-betul, diorientasi betul-betul supaya tidak kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Saya tidak mahu tercemar nama pemimpin yang ada membawa pindaan ini ke dalam Dewan ini. Saya tidak mahu nama pemimpin yang ada pada hari ini tercemar 10 tahun, 15 tahun akan datang, saya tidak mahu. Sebab kita mahu buat baik.

Kemudian kita kena jaga keselamatan sekeliling. Sekarang pun dijaga, ertinya Kerajaan Pusat tidak mengabaikan keselamatan rakyat yang ada di sana sekarang ini tetapi dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan ini di minta supaya dilipatgandakan lagi. Akhirnya kapal-kapal ronda kita hendaklah siap sedia, kapal ronda kita hendak jangan jadi macam KD Perak itu hari. Di mana salah silapnya? Memang belayar di laut tentangannya ribut. Tetapi kenapa dalam ribut belayar? Ini yang sepatutnya kita tanya. Belayar di laut tentangannya ribut kalau sudah tahu

ada ribut berlabuh dahulu. Mengapa terus belayar? Ini tidak mengikut kata mualim tua-tua. Mualim tua-tua, kalau ribut, berlindung di sebalik pulau. Apabila teduh cuaca baru terus belayar bongkar sauh menuju ke pulau harapan.

Semoga Pulau Labuan ini akan menjadi pulau harapan. Cuaca hari ini nampaknya cuaca politik kita baik maka kita terus belayar. Kita terus belayar, kita luluskan Akta (Pindaan) ini, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya untuk meminda Perlembagaan ini untuk penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Abu Samah.

5.42 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun ingin berucap sepatah dua kata di dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 yang mana Akta ini berbunyi Suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan termasuk perubahan sempadan negeri Sabah dan bagi membuat pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi kita telah mendengar huraian dan ucapan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berhubung dengan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 iaitu bagi menubuhkan sebuah lagi Wilayah Persekutuan iaitu Labuan dalam negeri Sabah. Dan tadi juga kita telah dengar ucapan yang tulus ikhlas dari anak bumi Labuan sendiri iaitu Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar yang mana beliau

telahpun menerangkan dan juga memberi pengakuan kepada Dewan yang mulia ini iaitu pengambilan atau penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan ini adalah disambut baik oleh rakyat ataupun penduduk-penduduk Labuan yang seluas 36 batu.

Seperti mana kita dengar sebelum penubuhan ini berlaku dan ura-ura ini berjalan, kita telah dengar segolongan kecil manusia yang membuat fitnah dan mengembar-gemburkan perkataan-perkataan dan pandangan-pandangan yang tidak baik khasnya daripada orang-orang iaitu rakyat kita sendiri dalam negara ini yang tidak mahu melihat kemajuan negara kita ini lebih-lebih lagi dari parti Pembangkang yang mana mereka ini mengatakan kita daripada Malaysia Barat ini hendak merampas Labuan untuk dijadikan Wilayah Persekutuan.

Di sini juga kita bersyukur kepada Allah s.w.t. dengan limpah kurnia dan izin Allah s.w.t., Kerajaan Negeri Sabah juga telah bersetuju menyerahkan Labuan kepada Wilayah Persekutuan. Dan insya Allah dengan izin Tuhan juga pada 16hb April tahun 1984 yang boleh kita katakan satu hari bersejarah akan wujudlah Wilayah Persekutuan nombor dua yang berada di Labuan. Mudah-mudahan dengan wujudnya Wilayah yang satu lagi ini, kita akan dapat melihat kemajuan negara Malaysia berlipat ganda lagi.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, bagi diri saya untuk menyentuh sedikit-sebanyak dan memberi pandangan apa yang saya terpancang selama ini untuk kita renungkan bersama dan juga kita memikirkkan masalah-masalah ini supaya kita tidak disalah anggap ataupun dinista dan sebagainya oleh anak cucu kita di masa yang akan datang.

Dari Labuan ini saya masuk pula kepada perkara yang baharu-baharu ini kita telah mendengar daripada

Kerajaan, daripada Menteri Wilayah Persekutuan iaitu satu lagi Wilayah Persekutuan akan wujud iaitu di Kampung Janda Baik. Ini juga saya rasa kita lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih walaupun tarikh itu belum lagi ditetapkan. Dalam masalah ini juga saya rasa Labuan dan Janda Baik akan kita masukkan bersama ucapan kita pada hari ini supaya dapat kita memperbaiki ataupun membuat rancangan-rancangan setelah Pulau Labuan, kita bincangkan Janda Baik pula. Dalam masalah ini, saya tidak dapat membaca satu persatu fasal-fasal yang telah ternyata di dalam DR. 2/84 ini, undang-undang yang ada di tangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana telahpun diterangkan tadi satu persatu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Apa yang saya harapkan pada hari ini supaya pulau itu nanti, sebagaimana yang terjadi di Kuala Lumpur pada hari ini Wilayah Persekutuan yang seluas 94 batu persegi dan sekarang pula Labuan seluas lebih kurang 36 batu persegi dapat disamakan projek-projek yang akan datang, apa yang diadakan di Wilayah Persekutuan ini juga dapat diadakan di Pulau Labuan itu sendiri. Kerana kita tidak hendak kemudian hari orang-orang Labuan mengatakan Wilayah Persekutuan Labuan dianaktirikan oleh Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur.

Umpamanya, masalah-masalah hak-hak kaum bumiputera, yang mana saya rasa belum kita terlambat lagi kerana Kuala Lumpur ini saya rasa kita telah terlambat sedikit hak-hak bumiputera yang ada pada masa ini amat berkurangan. Kita takut kalau kita tidak mengatur daripada sekarang Labuan juga kita takut akan menjadi Kuala Lumpur apa kita usahakan pada hari ini, orang-orang perseorangan akan dapat keuntungan. Oleh itu, saya berharap hak-hak tanah dan sebagainya hendaklah dijaga betul-betul supaya tidak terlepas kepada rancangan orang-orang perseorangan. Kalau boleh

tanah-tanah yang ada di Labuan pada hari ini supaya dibekukan iaitu tidak lagi dikeluarkan kepada hak-hak individu. Kerana dalam masalah ini kita tahu rakyat bumiputera khususnya sama ada di Malaysia Barat dan juga Malaysia Timur masih berkurangan. Itulah kita harap supaya Kerajaan Pusat Wilayah Persekutuan menjaga tanah-tanah ini, begitu juga hak-hak yang lain umpamanya dari segi pelajaran, ekonomi dan lain-lain lagi supaya terjaga hak-hak bumiputera khususnya di Labuan. Tadi kita telah mendengar cadangan-cadangan daripada saudara-saudara kita yang terdahulu berucap daripada saya supaya pulau ini dijadikan pulau pelabuhan bebas.

Saya bersetuju dengan cadangan itu dan juga saya menyokong di atas pendapat-pendapat saudara saya tadi kerana kita sekarang ini dalam masalah ini kita lihat rakyat kita khususnya dari Kuala Lumpur dan juga di negeri yang berdekatan berduyun-duyun pergi membeli-belah ke Singapura. Dengan adanya pelabuhan bebas dapat kita mengurangkan juga, saya rasa pelaburan, kemasukan kewangan dapat kita jaga supaya duit itu datang dan masuk dalam negeri kita sendiri. Begitu juga yang lain-lain, apabila mewujudkan Labuan ini nanti supaya dapat disamakan apa yang ada di Kuala Lumpur ini begitu juga ada di Labuan. Apa-apa Rang Undang-undang yang termaktub di Kuala Lumpur ini mesti juga sama dengan Labuan. Umpamanya, dalam hal agama Islam supaya sebagaimana Wilayah Persekutuan ini begitu juga disamakan, umpamanya, Wilayah Persekutuan diwajibkan orang Islam boleh kahwin sampai empat begitu juga di Labuan tidak ada sekatan untuk kahwin empat dan begitu juga jikalau ada Mufti-mufti ataupun Kadi-kadi bertanggungjawab sebagaimana di Wilayah Persekutuan begitu juga di Labuan yang akan datang.

Begitu juga soal di Kuala Lumpur ini sebagaimana ada "parking meter" dan

sebagainya mesti ada di sana juga. Selain daripada itu saya berharap umpamanya Majlis Tempatan yang ada di Labuan sekarang ini saya rasa bagi mendapatkan pandangan dua hala Kuala Lumpur dan Labuan, saya mengesyorkan supaya ahli-ahli Majlis ini juga diambil dari Kuala Lumpur masuk ke Labuan dan orang Labuan juga dapat duduk di Kuala Lumpur, bermakna dapat bertukar ganti pemikiran mereka untuk meluaskan lagi dan juga mempercepat dan memperbesarkan lagi Pulau Labuan ini sama dengan Kuala Lumpur.

Dalam soal-soal yang lain berhubung dengan pengangkutan yang mana tadi Yang Amat Berhormat telah menyatakan dengan wujudnya Labuan ini sebagai Wilayah Persekutuan atau menyeberang Laut China, Kerajaan telahpun mencadangkan supaya diadakan feri di antara Kuantan dan terus ke Sarawak dan Labuan. Kita juga berharap ini hanyalah untuk kaum-kaum yang berpendapat kecil dapat berulang-alik di antara Labuan dan Kuala Lumpur dan juga dari Semenanjung Malaysia.

Begitu juga kita berharap lapangan terbang yang ada pada hari ini yang mana saya dapat tahu lapangan terbang yang ada ini Boeing 747 ataupun Airbus belum boleh mendarat lagi. Oleh itu dalam keadaan ini bagi mempercepatkan, saya rasa lapangan terbang ini juga patut diperluaskan dengan seberapa segera yang boleh bagi menyenangkan perjalanan di antara Labuan dan Kuala Lumpur ini supaya tidak tergendala sebagaimana sekarang ini, kerana pada satu masa saya pernah pergi ke Labuan tergendala sampai 2 hari tidak dapat balik ke Kuala Lumpur oleh kerana keadaan landasan pecah pada masa itu dan juga masalah-masalah teknikal yang lain yang tidak dapat diperbaiki. Jadi dengan keadaan ini kita harap dengan adanya Kuala Lumpur dan Labuan ia akan memakan masa yang singkat supaya pekerja-

pekerja ataupun pegawai-pegawai akan dapat menjalankan tugas mereka dengan senang, tidak ada tergendala di antara kedua-dua tempat tadi.

Dalam masalah keselamatan kita juga berharap Kerajaan harus memikirkan dan mengikut sejarah-sejarah lama yang mana saya masih ingat sedikit sebanyak iaitu umpamanya Peperangan Dunia Kedua dahulu di mana Labuan ini dijadikan sasaran dan pelabuhan untuk musuh-musuh. Begitu juga kalau tidak silap saya semasa konfrantasi antara Malaysia dan Indonesia, Labuan ini juga menjadi sasaran. Oleh itu dalam masalah ini kita berharap supaya Kerajaan menjaga keselamatan pintu masuk iaitu daripada Kepulauan Filipina yang mana rakyatnya selalu masuk di situ dengan secara haram dan juga kemungkinan musuh-musuh akan dapat masuk jika keselamatan tidak diketatkan. Maka di sini juga saya berharap supaya Kerajaan Pusat memperbesarkan Angkatan Tentera supaya dapat ditempatkan di Labuan bagi menjaga keselamatan Labuan dan juga Sabah serta Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, menyebut soal Labuan ini begitu juga tentang ura-ura hendak menjadikan Kampung Janda Baik sebagai satu lagi wilayah iaitu wilayah ketiga bagi Wilayah Persekutuan. Saya mencadang dan mengesyorkan kerana memandangkan keadaan negara kita ini sudah dapat membangun dengan pesatnya, oleh kerana Labuan letaknya di Sabah, saya mencadangkan juga supaya dapat Kerajaan kita memikirkan untuk mengambil ataupun menambahkan lagi Wilayah Persekutuan ini di kawasan-kawasan yang lain, umpamanya Pulau Langkawi juga patut dijadikan satu Wilayah Persekutuan dan juga bagi mengelakkan orang-orang kita selalu pergi ke Padang Besar, Golok dan Rantau Panjang kerana mereka ini selalu menyeberang, apa salahnya pula Wilayah Persekutuan diwujudkan di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi.

Umpamanya, di Rantau Panjang dijadikan satu Wilayah Persekutuan lagi dan di sini dapatlah berkembang pesat iaitu bersetempatan dengan Thailand. Begitu juga Padang Besar dijadikan Wilayah Persekutuan supaya kita dapat melihat orang luar dari Thailand hanya menyeberang sahaja setelah menyeberang ke Wilayah Persekutuan. Begitu juga sebagai tempat peranginan, kita jadikan Pulau Langkawi ini sebagai salah satu lagi Wilayah Persekutuan.

Saya rasa dalam keadaan ini bagi mempercepatkan proses pembangunan dalam negara kita ini agaknya dapat dijalankan dan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya dalam masa 115 tahun lagi rakyat Malaysia ini akan menjadi lebih 70 juta dan dengan keadaan adanya pulau-pulau ini, dengan hawa yang baru, mereka ini akan berhijrah ke sana dan akan mempercepatkan rakyat dalam negara kita ini daripada 115 tahun itu akan kurang dengan adanya kawasan-kawasan yang luas dan yang baru ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah-masalah yang lain berhubungan dengan kita membincangkan soal Labuan ini, kita berharaplah rakyat di kedua-dua buah negeri iaitu Labuan dan Wilayah Persekutuan dengan wujudnya ini di dalam salah satu fasal tadi yang mana Yang Amat Berhormat telahpun menyatakan iaitu seorang Ahli Dewan Negara akan wujud iaitu di dalam Fasal 13 akan melantik seorang Senator bagi Wilayah Persekutuan Labuan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Fasal 14 bertujuan meminda Perkara 46 bagi mengadakan peruntukan mengenai seorang ahli yang dipilih dari Wilayah Persekutuan yang tersebut itu untuk menyertai Dewan Rakyat.

Dalam masalah pemilihan ataupun perlantikan ini, saya teringat dengan adanya perlantikan ini, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan

Wilayah Persekutuan Labuan akan menjadi sebagai adik kembar di segi politik pula. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat, bolehkah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu juga wujud di Pulau Labuan itu nanti.

Jikalau boleh bagaimana keadaan ini akan wujud dan rasa saya Labuan akan menjadi satu bahagian, dengan adanya bahagian ini juga akan kita adakan bahagian UMNOnya di sana dan begitu juga Parti-parti Komponen yang lain.

Soal pembahagian harta sebagaimana saya sebutkan tadi pembahagian harta, saya ulang balik supaya dapat disamakan khasnya kepada kaum bumiputera kerana kita lihat Labuan sebuah pulau yang dipisahkan oleh tanah besar Sabah dan juga Sarawak. Kita berharaplah orang-orang Melayu khasnya di kawasan ini supaya dapat menikmati segala kemudahan-kemudahan yang ada dan juga dapat membahagi-bahagikan peruntukan ini sebagaimana yang dibahagikan di Kuala Lumpur begitu juga di Labuan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah-masalah yang lain . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau sudah tak ada, cukuplah.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Itu sahajalah, saya bersetuju dengan kehendak Dato itu, saya boleh hentikan ucapan saya ini dan sebelum itu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu pucuk pimpinan kita pada hari ini yang mana telah memandang jauh dan telahpun mewujudkan Wilayah Persekutuan Sabah ini dan dengan keadaan ini dapatlah kita bersama-sama dengan Wilayah Persekutuan ini dan juga Sabah dan Labuan akan berkembang maju. Oleh itu saya berdoa kepada Allah subhanahu wataala mudah-mudahan dengan wujudnya dan mengistiharkannya pada 16hb April

akan datang ini, akan mendapat restu dan juga kita berharap Labuan akan menempuh kemajuan di masa yang akan datang.

Sekian sahaja saya sudahi mudah-mudahan apa yang kita hajat dalam Dewan ini dimakbulkan oleh Allah subhanahu wataala dan dengan ini juga saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.04 ptg.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua saya bangun untuk bercakap sedikit dalam masalah Suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk pengubahan sempadan-sempadan Negeri Sabah, dan bagi membuat pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan Persekutuan.

Saya ingin bercakap walaupun tidak panjang masa yang akan saya ambil kerana saya anggap perkara Labuan menjadi Wilayah Persekutuan ialah satu perkara yang penting bagi perkembangan politik Malaysia kita kerana ini adalah satu sejarah dan oleh kerana saya anggap perkara ini sebagai satu sejarah yang berlaku di tanah air Malaysia kita ini, maka saya ingin bercakap walaupun tidak panjang di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila tersebut perkataan Labuan, bagi saya Labuan ini bukanlah satu negeri ataupun tempat yang asing bagi saya kerana Labuan ini ialah satu negeri atau satu tempat yang telah lama wujud dalam ingatan kita kerana Labuan ini satu tempat yang bersejarah bagi saya dan bagi Malaysia kita ini kalau kita kaji sejarah yang lampau. Bagi saya Labuan ini ialah satu negeri yang mana mengeluarkan minyak kalau tidak salah saya tempat yang mengeluarkan minyak di dalam negeri Sabah sama

juga dengan Brunei, kerana Labuan dengan Brunei itu tidak berapa jauh di antara satu dengan lain. Oleh kerana Labuan ini akan dijadikan Wilayah, maka saya rasa adalah satu perkara yang sungguh bersejarah dan Labuan itu sendiri tidak asing lagi pada kita walaupun Labuan itu tidak diambil menjadi Wilayah. Sebab itulah saya ingin bercakap dalam masalah ini dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Sabah kerana ini bukan satu perkara kecil. Saya teringat pada masa dahulu masa Kuala Lumpur hendak dijadikan Wilayah. Saya terlihat dalam surat khabar bagaimana Sultan Selangor menandatangani dalam Perjanjian kita itu supaya Kuala Lumpur itu diserahkan kepada Persekutuan dijadikan Wilayah Persekutuan. Jadi bukan bermakna Sultan Selangor sengaja untuk menyerahkan Kuala Lumpur sebagai Wilayah, tetapi oleh kerana kepentingan politik dan keadaan ekonomi negara kita maka dengan sebab itulah Sultan Selangor berbuat demikian. Saya rasa begitu juga dengan Ketua Menteri Sabah, kerana bukan bermaksud Labuan ini diserahkan dengan tidak ada bermakna, kerana bagi saya ini menunjukkan bagaimana kepercayaan Ketua Menteri Sabah khasnya dan rakyat Sabah amnya menaruh kepercayaan penuh kepada pucuk pimpinan kita terutama sekali Dato' Seri Dr. Mahathir dan juga Dato Musa Hitam sebagai pemimpin negara kita. Ini kita dapat menafikan khabar-khabar angin mengatakan Sabah tidak berapa rapat dengan Persekutuan Malaysia kita ini. Ini dapat kita nafikan dengan adanya Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan. Saya ucapkan syabas khasnya kepada Ketua Menteri Sabah dan juga kepada rakyat Sabah kerana ini menambahkan dan mengiratkan lagi hubungan kita di antara kita di Semenanjung Malaysia dengan Sabah itu sendiri. Satu perkara yang sungguh penting bagi saya dan

saya patut nyatakan hal ini dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dalam perubahan Labuan dijadikan Wilayah ini tentulah ada sesuatu perjanjian. Untuk tidak mendatangkan masalah-masalah pada masa akan datang, segala perjanjian-perjanjian yang termaktub dalam Akta mengubah Labuan itu menjadi Wilayah, saya berharap Kerajaan Pusat akan dapat melaksanakan dengan sempurna.

Misalnya, imbuhan-imbuhan kalau ada untuk diberi kepada Sabah kerana mengambil Labuan menjadikan Wilayah dan jika ada patut disegerakan, dilaksanakan dengan sebaik-baiknya tidak seperti mana berlaku terhadap Kuala Lumpur pada masa dahulu kerana diheboh-hebohkan berkenaan dengan imbuhan Kerajaan Malaysia kepada negeri Selangor itu sendiri. Dengan ini dapat kita mengeratkan lagi perhubungan kita di antara Sabah dengan Persekutuan Malaysia, sekiranya segala perjanjian-perjanjian itu dapat dilaksanakan dengan baik dan saya berharap dengan tertubuhnya Labuan sebagai Wilayah Persekutuan ini maka negara Malaysia kita ini akan dapat dikenali oleh negara-negara luar di atas kejayaan yang dihadapi oleh negara Malaysia ini dalam segi ekonomi, politik dan sebagainya dengan Labuan dimasukkan dalam Wilayah.

Saya rasa setakat inilah sahaja kerana ramai rakan-rakan saya lagi yang akan bercakap dalam perkara ini dan saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun.

*6.10 ptg.*

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon izin untuk bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mem-

buat peruntukan mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan yang mana Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 yang saya fahamkan akan berjalan kuatkuasanya pada 16hb April, 1984 seperti yang telah di-bentangkan oleh Yang Amar Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Menteri kita kerana telah berjaya menambahkan sebuah lagi kawasan iaitu Pulau Labuan dimasukkan ke dalam Wilayah Persekutuan seperti Kuala Lumpur.

Kita tahu Pulau Labuan ini ialah sebahagian daripada pemerintahan Kerajaan Sabah yang mana luasnya lebih kurang 88 kilometer persegi dan penduduknya lebih kurang 35,000 orang. Pulau ini memang terkenal sebagai pelabuhan bebas dan mempunyai potensi yang baik kerana ada limbungan kapal yang menuju ke taraf antarabangsa. Tambahan pula dengan projek gas dan besinya serta pembinaan beberapa buah bandar baru termasuk Layang-layangan yang tidak berapa jauh hanya 15 kilometer daripada bandar pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Sabah dan rakyatnya terutamanya kepada Ketua Menternya, Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh kerana mempunyai pandangan jauh membuat sesuatu perubahan baru dengan Perdana Menteri kita yang dikasihi iaitu Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dengan memasukkan Pulau Labuan ini ke dalam Wilayah Persekutuan yang menjadikan dua buah kawasan di bawah satu Kementerian, pentadbirannya iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan. Dengan Kerajaan Pusat mentadbir Pulau Labuan ini iaitu di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan tadi maka saya percaya tentulah Kerajaan Pusat akan

membiayai sepenuhnya bagi membangunkan pulau ini sama ada dari segi kemudahan-kemudahan asas, pembangunan, seperti juga pentadbiran Kuala Lumpur yang mana sudah tentu pulau ini akan bertukar wajah pada masa yang akan datang.

Kalau dahulunya pulau ini ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri dan apakala pulau ini di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan atau di bawah Kerajaan Pusat maka sudah semestinyalah pentadbiran bandar ini akan dibentuk dan pun sudah dibentuk barangkali satu lembaga sebagai Majlis Perbandaraan yang luas dan sebagainya bagi mengendalikan urusan pentadbiran sesuai sebagai satu kawasan Wilayah Persekutuan.

Dengan kemasukan Pulau Labuan ke dalam Wilayah Persekutuan ini maka saya nampak hubungan di antara Pulau Labuan iaitu di antara Kerajaan negeri itu dengan Kerajaan Persekutuan ini akan dapat mengukuhkan lagi persahabatan mereka demi kemajuan dan kepentingan rakyat di Pulau Labuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini juga saya suka mengesyorkan dalam Dewan ini iaitu apakala Pulau Labuan ini sudah diterima sebagai satu kawasan dalam Wilayah Persekutuankah kelak maka hendaklah digalakkan kepada rakyat terutama dari Semenanjung kita Malaysia ini masuk mengunjungi pulau itu, mungkin sebagai pelancung dan sebagainya dan mengecualikan daripada kebenaran yang sudahpun ada dibuat peraturan iaitu dikecualikan daripada paspot antarabangsa dan sebagainya.

Dari mereka yang mengunjungi Pulau Labuan ini kelak hendaklah juga kalau dapat kita menggalakkan iaitu mereka akan membawa barang-barang dagangan ke sana daripada berbagai-bagai barang untuk menambahkan lagi kemajuan dan kemakmuran pulau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga membawa pandangan lagi supaya Pulau

Labuan ini telah masuk ke dalam Wilayah Persekutuan ini maka Kerajaan kita barangkali boleh mengadakan majlis-majlis yang besar umpamanya seperti tempat Mesyuarat-mesyuarat Kerajaan sekali sekala ataupun musabaqah Al-Quran dan sebagainya boleh kita adakan di negeri itu untuk memperkenalkan lagi pulau itu kepada rakyat dan juga antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir setakat itu sahajalah dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Basharon bin Hanapiah.

*6.17 ptg.*

**Tuan Basharon bin Hanapiah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama dengan rakan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan negara supaya membolehkan Labuan menjadi Wilayah Persekutuan yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sebentar tadi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang kita kasehi dan kita hormati.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Dr Mahathir Mohamad yang telah mengambil tindakan untuk menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Pengambilan ini akan memberi keuntungan kepada penduduk-penduduk Labuan dari segala segi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh, Ketua Menteri Sabah yang telah pun memberi persetujuan kepada Kerajaan Persekutuan supaya Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan.

Dengan ini adalah jelas membuktikan kerjasama yang erat ataupun wujud di antara Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mendapat penjelasan daripada Kerajaan iaitu adakah sudah menjadi dasar Kerajaan supaya Wilayah Persekutuan diadakan di sana dan di sini dan di seluruh negara kerana sekarang ini kita sudahpun mempunyai dua Wilayah Persekutuan dan mungkin kawasan Janda Baik di Pahang akan dijadikan Wilayah Persekutuan yang ketiga tidak berapa lama lagi.

Kalaulah dasar Kerajaan untuk membanyakkan Wilayah Persekutuan di dalam negara kita ini saya suka mencadangkan supaya Pulau Pinang negeri asal itu kepunyaan negeri Kedah Darulaman dijadikan Wilayah Persekutuan tidak berapa lama lagi dan Seberang Perai diserahkan kembali kepada Kedah Darulaman untuk memerintahnya (*Ketawa*).

Sekarang ini dapat dilakukan, Tuan Yang di-Pertua, dapatlah Kerajaan meringan serta membantu kaum Bumiputera di Pulau Pinang yang hidup dalam kesempitan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap supaya Kerajaan dapat menempatkan pasukan tentera kita, iaitu tentera laut, darat dan udara di Labuan untuk menghadapi kemungkinan akan berlaku serangan-serangan dari luar yang akan menduduki sebahagian dari negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang ini sedang menghadapi kemelesetan ekonomi. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Kerajaan mampukah Kerajaan mengeluarkan wang yang banyak untuk membiayai memajukan Labuan? Bukankah lebih baik wang yang banyak itu dibelanjakan untuk pelajaran, kesihatan dan menghapuskan kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di luar bandar dalam negara kita sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Malaysia yang telah dibentang dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri yang saya kasihi.

6.22 ptg.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memberi pandangan dan juga sedikit sebanyak di dalam Rang Undang-undang Penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dalam mana untuk menyertai bersama bagi menyokong di atas mana Rang Undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar lalu.

Pada pandangan saya kita sungguh berterima kasih kepada seluruh rakyat Sabah yang telah dengan secara ikhlasnya memberi kebenaran kepada Malaysia untuk mewujudkan satu Wilayah Labuan. Sepertimana yang kita tahu jika sekiranya tidak ada niat baik daripada pihak rakyat Negeri Sabah sudah tentu tidak akan wujud sebuah Wilayah Persekutuan Labuan yang akan datang ini. Maka dengan niat baik itu, dengan keikhlasan rakyat Negeri Sabah terhadap pembangunan di Labuan maka sudah tentu kita akan bertanggungjawab seluruhnya untuk menjadikan wilayah ini sepertimana wilayah yang pernah kita ada di Wilayah Kuala Lumpur ini. Maka dengan yang demikian saya rasa tidak menjadi keraguan bagi pihak Kerajaan untuk mentadbirkan Wilayah Labuan ini di masa yang akan datang. Apa yang kita harapkan jalinan persaudaraan daripada segi pembangunan dan daripada segi lain juga supaya dapat diwujudkan sepertimana yang kita pernah buat di negara Malaysia pada hari ini.

Pada pendapat saya pihak Kerajaan tidak merasa ragu-ragu untuk mentadbirkan Wilayah Labuan ini

satu wilayah untuk memberikan segala-galanya di dalam segi pembangunan dan juga daripada segi perhubungan kerana kita tahu mengikuti sejarah Labuan ini tidak asing bagi kita lagi. Apa yang kita perlu sekarang ini perlu pentadbiran ataupun penyelarasan di antara Labuan dengan Kuala Lumpur hendaklah berjalan dengan baiknya di masa yang akan datang ini. Kita berharap pada satu ketika nanti Labuan ini akan menjadi satu pusat yang akan mengeluarkan segala bahan-bahan bagi kita mendapatkan bahan ini disalurkan kepada pihak seluruh negara untuk menjadikan Pulau Labuan ini satu pusat dikenali oleh seluruh rakyat Malaysia di masa yang akan datang ini. Oleh yang demikian, saya rasa tidaklah menjadi masalah bagi pihak Kerajaan Persekutuan untuk mentadbirkan Labuan di masa yang akan datang.

Oleh itu, saya tidak keberatan untuk menyokong Rang Undang-undang ini menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

6.25 ptg.

**Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk menyokong pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai dengan penubuhan Wilayah Labuan, iaitu merupakan Wilayah Persekutuan yang kedua dalam negara kita Malaysia yang ada pada hari ini.

Saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah yang telah bersetuju dan menerima baik cadangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah wilayah dalam Malaysia kita pada hari ini.

Saya kira Kerajaan Sabah juga menerima baik kerana rakyat Sabah juga menerima baik perkara ini ialah kerana satu daripada tujuannya ialah niat suci daripada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Malaysia hendak memajukan

Labuan ini sebagai sebuah wilayah seperti Wilayah Persekutuan, iaitu Kuala Lumpur yang ada sekarang ini. Yang kedua, tentulah barangkali kepada negara-negara jiran kita lebih meyakinkan mereka bahawa Sabah dan Semenanjung ini tidak asing dan tidak ada bezanya sebagaimana yang kita telah katakan Sabah adalah sebuah negeri dalam Malaysia kita pada hari ini.

Saya teringat di tahun yang lepas juga kita telah membincangkan soal Sabah, iaitu satu perkara menguatkuasakan Bahasa Kebangsaan sebagaimana yang kita telah sama-sama berbahas di Dewan yang mulia ini, iaitu kita tidak mahu melihat atau mendengar sungutan-sungutan bahawa seolah-olah Negeri Sabah ini tidak begitu rapat atau tidak begitu dekat dengan Kerajaan Malaysia ataupun dengan Semenanjung ini. Tetapi dengan adanya satu pindaan Perlembagaan yang kita akan luluskan pada hari ini ataupun besok ternyatah kepada kita bahawa dengan wujudnya sebuah Wilayah Labuan ini adalah boleh menghindarkan semua sekali perasaan-perasaan atau tohmahan-tohmahan daripada negara-negara jiran dan rakyat Sabah harus berasa bangga kerana ini adalah satu-satunya perkara untuk merapatkan lagi hubungan di antara Semenanjung dengan Sabah di mana Sabah sebuah negeri dalam Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar tadi rakan-rakan saya menyebut banyak negeri-negeri lagi yang patut diambil dijadikan wilayah. Saya kurang sedikit mempersetujui perasaan itu kerana biarlah tinggalkan begitu dahulu keadaan, saya wimbang kalau kita terlalu awal mencetuskan perkara ini akan boleh menimbulkan perasaan sensitif yang mana baru sahaja kita selesai satu perkara yang telah berlaku kepada Kerajaan kita. Jadi saya harap perkara pengambilan, umpamanya disebut oleh saudara saya tadi Rantau Panjang hendak dijadikan wilayah, saya bimbang perkara ini

sensitif akan timbul dan boleh menyusahkan keadaan-keadaan yang ada pada hari ini.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masanya telah cukup. Ahli Yang Berhormat dibenarkan berucap pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 10hb April, 1984.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*